

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERLIS)
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

KHUDZIR BIN ISMAIL

KETUA UNIT KUALITI :

AHMAD YUSRI BIN DAK

PENYELARAS :

SHAFIQ BIN SHAHRUDDIN

PENULIS :

1. NUR ZAINIE BINTI ABD HAMID
2. SHAFIQ BIN SHAHRUDDIN
3. HANISAH BINTI HASSAN
4. MUHAMMAD AIMAN BIN ARIFIN
5. AHMAD SUHAIL BIN KHAZALI
6. FARAH LINA BINTI AZIZAN
7. MOHAMAD ASRUL BIN MUSTAFAR

8. SITI SARAH BINTI MD ILYAS
9. NADIA BT ABDUL WAHAB
10. MASAYU BINTI NORMAN
11. MOHD ZAINI BIN ZAINAL
12. ISMALAILI BINTI ISMAIL
13. KHAIRIL IZWAN BIN HASAN
14. MARCIA JANE A/P GANASAN
15. HAFIZAH BINTI HAJIMIA
16. MUHAMMAD FAIZ BIN PA'SUYA
17. FAZLY AMRI BIN MOHD
18. NORFIZA BINTI IBRAHIM
19. IKHWAN BIN MOHAMED
20. AHMAD YUSRI BIN DAK
21. ANITA BINTI CHE HASSAN
22. MUHAMMAD SYUKRI BIN NOOR AZMAN
23. SITI SARAH BINTI RASELI
24. NOR HAYATI BINTI SHAFII
25. ANITA BINTI CHE HASSAN
26. ROHANA BINTI ALIAS
27. SHAIFUL ANNUAR BIN KHALID
28. ROZAINUN BINTI MAHMOD
29. TUN MOHD FIRDAUS BIN AZIS
30. NAIMAH BINTI ZAM

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan yang cekap, telus dan berpandangan jauh merupakan komponen utama dalam menentukan kecemerlangan pengurusan sesebuah organisasi . UiTMPs telah melalui satu transformasi yang besar di dalam keimpinannya pada tahun 2020 dengan menerima pelantikan Rektor yang baharu. Pada Prof. Dr. Khudzir Hj. Ismail dilantik untuk menggantikan YBrs. En. Zailuddin Ariffin. Peralihan kuasa telah berlaku dengan lancarnya dan sejak hari pertama lantikannya, tanpa menoleh kebelakang, pelbagai inisiatif diperkenalkan dan dalam masa yang sama meneruskan beberapa rancangan Rektor dan kepimpinan terdahulu. Kepimpinan UiTMPs dibentuk melalui dua lapisan atau strata pengurusan utama iaitu Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kampus dan Pengurusan Kanan Kampus (Lampiran 1). Pengurusan Eksekutif UiTMPs telah memilih Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan sebagai bidang tumpuan untuk laporan AKNC 2020. Ini selaras dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program berbentuk penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan sepanjang tahun 2020. Pecahan jumlah keseluruhan aktiviti Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan yang direkodkan sepanjang tahun 2020 ialah sebanyak 26 aktiviti Utama dan 57 Sub Aktiviti (Lampiran 2). Walau bagaimanapun, secara asasnya pendapatan yang dijana hasil daripada aktiviti Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan ini boleh dibahagikan kepada 2, hasil tangible dan hasil intangible. Secara asasnya PJI merupakan pemilik proses Jaringan Industri dan Keusahawanan. Namun begitu di UiTMPs, Pengurusan Kampus telah menetapkan setiap bahagian untuk turut mengembeling tenaga serta menyumbang buah fikiran dan kepakaran masing-masing bagi memastikan setiap inisiatif strategik dilaksanakan dengan jayanya. Untuk menjayakan bidang tumpuan, UiTM Cawangan Perlis mengambil pendekatan top-down yang mantap lagi menyeluruh berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Era Usaha kearah mencapai bidang tumpuan “ Penyelidikan & Penerbitan dan Pengkomersilan” bermula dari Tahun 2018, Tahun 2019 dan Tahun 2020 di mana Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis ialah :

- Bidang **PENERBITAN** di bawah agenda Pemantapan Myra dan Kampus Tersohor
- Bidang **PENYELIDIKAN** di bawah agenda Pemantapan Myra dan Kampus Tersohor
- Bidang **PENGGOMERSIALAN** berada dibawah agenda Kampus Tersohor, kebolehpasaran Graduan dan Penjanaaan Pendapatan

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Meningkatkan tahap pencapaian bidang tumpuan menjadi hasrat utama kepimpinan kanan UiTMPs. Ketidapapaian sasaran yang ditetapkan pada tahun 2018 telah menjadi pemangkin kepada usaha untuk mengenalpasti punca kelemahan dan menginovasikan strategi yang lebih berkesan. Pendekatan awal yang dilaksanakan adalah perkongsian idea diantara kepimpinan kanan kampus melalui Bengkel Perancangan Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis bagi merangka Model Hala Tuju Strategik UiTM Perlis 2020 seterusnya menyokong rancangan strategik UiTM 2025. Hasil daripada inisiatif ini, pelbagai perancangan baru yang lebih tersusun dapat dilaksanakan melalui dua unit utama dibawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni & Keusahawanan (PJIMAK) iaitu Unit Penerbitan (UP) dan Unit Penyelidikan & Inovasi (UPU) (Lampiran 1). Antara sasaran utama UP ialah untuk mencapai sasaran bilangan penerbitan berindeks yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Bagi mencapai sasaran ini, pelbagai inovasi di dalam aktiviti telah dilaksanakan oleh UP seperti penganjuran bengkel perkongsian penulisan jurnal dan buku oleh penulis yang berpengalaman, bengkel penulisan kerjasama PJIMAK dengan penerbit luar seperti Dewan Kosmik, UiTM Press, dan Emerald Publishing (Lampiran 2). Selain itu, UiTMPs telah memperkenalkan pemberian insentif penulisan dan Anugerah Semarak Penyelidikan bagi menghargai usaha pensyarah yang berjaya menerbitkan jurnal berindeks dan berimpak tinggi (Q1, Q2).

Bagi membudayakan penghasilan penyelidikan dan inovasi yang berkualiti, UPU telah menjalankan pelbagai inisiatif diperingkat kampus (Lampiran 2) seperti perkongsian oleh penyelidik yang berpengalaman serta pembentangan kertas kerja oleh penyelidik UiTMPs dan penyelidik antarabangsa. Menyedari kepentingan geran penyelidikan sebagai satu aspek penting untuk menyokong penyelidikan yang berkualiti, UPU telah menganjurkan bengkel penulisan geran penyelidikan dan memperkenalkan dua program insentif iaitu MyMerit dan MyIncentive yang dilancarkan pada tahun 2020 dimana geran penyelidikan yang dimohon dan diperolehi akan diberikan insentif dalam bentuk geran latihan.

Selain daripada itu, penganjuran berterusan seminar di peringkat dalaman UiTM Perlis iaitu Seminar on Innovation and Creativity (SIC) mahupun di peringkat antarabangsa seperti International Malaysia-Indonesia-Thailand Symposium on Innovation and Creativity (iMIT SIC) dan International Innovation, Design And Articulation (i-IDEA) telah menjadi pemangkin untuk menggalakkan warga UiTMPs terlibat dalam inovasi seterusnya menghasilkan produk yang mampu dikomersialkan. Bagi menggalakkan setiap Research Interest Group (RIG) aktif dalam bidang tumpuan, kepimpinan UiTMPs telah memperkenalkan program *MyRIG* dimana prestasi setiap RIG akan dinilai berdasarkan bilangan bintang dan diberi insentif dalam bentuk wang ringgit. Inovasi dalam pendekatan oleh UiTMPs ini telah menampakkan hasil yang sangat drastik terutama pada tahun 2020 dengan peningkatan penerbitan jurnal, permohonan dan perolehan geran, peningkatan bilangan produk inovasi yang dipertandingkan dan pendaftaran harta intelek oleh pensyarah UiTM Perlis. Lebih membangggakan lagi, diantara kampus UiTM diseluruh negara, UiTM Perlis telah mencapai pelbagai kejayaan pada tahun 2020 seperti tempat ke-2 dari segi penerbitan Q1/Q2 dan perolehan geran penyelidikan nasional serta tempat ke-4 dari segi perolehan geran industry (Lampiran 3). Pihak kepimpinan juga memberi perhatian serius dengan pengkomersialan mangga Harum Manis keluaran UiTM Perlis. Antara inovasi dalam mengkomersialkan lagi Harum Manis selain jualan secara terus di dalam kampus, pihak kepimpinan juga mengambil pendekatan jualan secara *road-tour* keseluruh kampus UiTM di Semenanjung Malaysia dan kaedah jualan secara atas talian. Hasilnya, UiTMPs berjaya menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan UiTM secara keseluruhannya (Lampiran 3)

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 1 - Jawatankuasa.pdf](#)
2. [Lampiran 2 - Senarai aktiviti setiap unit.pdf](#)
3. [Lampiran 3-Laporan Prestasi Bidang Tumpuan.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi melaksanakan inisiatif strategik bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan agar objektif untuk meningkatkan bilangan dan jumlah nilai geran penyelidikan serta bilangan penerbitan, beberapa inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan oleh PTJ yang berkenaan. Pertama sekali, pelaksanaan (*deployment*) inisiatif strategik memerlukan struktur pengurusan yang mantap. Bahagian PJI mempunyai struktur pengurusan yang mantap dengan memastikan kakitangan yang berkaliber untuk mengetuai unit-unit di bawah PJI dengan dibantu oleh kakitangan sokongan yang berpengalaman. Kedua, pelaksanaan (*deployment*) inisiatif strategik juga memerlukan kekuatan tenaga manusia yang menyokong pelaksanaannya. Dalam konteks ini, PJI berjaya mendapatkan tambahan kakitangan sokongan. Lihat lampiran 1 untuk carta organisasi. Ketiga, Bahagian PJI juga telah menetapkan sasaran yang hendak dicapai secara jelas serta boleh diukur (*measurable*). Keempat, bagi menyokong usaha-usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan beberapa inisiatif telah diwujudkan. Antaranya adalah MyIncentive, HI_Publication, MyMerit dan Anugerah Semarak Penyelidikan / Penerbitan. MyIncentive bertujuan memberi insentif kepada mana-mana pensyarah yang berjaya memperolehi geran penyelidikan dengan menyediakan geran Latihan berjumlah RM500 untuk kedua penyelidik dan tertakluk kepada 15 ketua penyelidik. HI_Publication pula adalah insentif untuk pensyarah yang berjaya menerbitkan artikel penyelidikan di dalam jurnal-jurnal bertaraf Q1 dan Q2. Jumlah insentif yang disediakan adalah berjumlah RM400 untuk penerbitan di dalam Jurnal bertaraf Q1 dan RM200 untuk penerbitan di dalam jurnal bertaraf Q2 dan terhad kepada 20 pensyarah. My Merit pula adalah sistem bagi menggalakkan kakitangan akademik memohon geran penyelidikan berlandaskan konsep CPD. Sistem ini memperuntukkan markah yang berbeza mengikut kategori geran penyelidikan. Geran antarabangsa diberikan 8 mata; geran industry sebanyak 6 mata; geran kebangsaan sebanyak 5 mata dan geran universiti sebanyak 3 mata. Usaha untuk membudayakan pengkomersialan dibuat dengan mengadakan insentif yang dinamakan "LetsRegisterYourIPR". Insentif ini adalah bertujuan untuk menambah bilangan copyright di kalangan pensyarah pada tahun 2020. Had pembiayaan untuk setiap copyright adalah RM50 dan terhad kepada 20 permohonan yang paling awal. Lihat Lampiran 2 untuk kelulusan inisiatif yang dinyatakan.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1 CARTA ORGANISASI.pdf](#)
2. [Lampiran 2 MINIT JKE_KELULUSAN INSENTIF 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan UiTMPs sangat komited untuk mencapai sasaran dan objektif bidang tumpuan melalui perancangan dan pelaksanaan yang bersistematik. Bagi memastikan perjalanan pelaksanaan di buat mengikut perancangan yang telah ditetapkan, proses ini perlu di buat pemantauan dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti kelemahan sedia ada dan seterusnya penambahbaikan dapat dibuat pada masa akan datang. Pelbagai platform digunakan untuk memantau pelaksanaan bidang tumpuan samada secara lansung atau tidak lansung. Antara platform utama adalah melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala antara 2 unit utama iaitu penerbitan dan penyelidikan bersama kepimpinan kanan bagi melaporkan prestasi penerbitan dan penyelidikan yang telah ditetapkan. Bagi memastikan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, dua mesyuarat utama diadakan secara berkala iaitu mesyuarat unit utama bersama Timbalan Rektor PJIMAK yang dibuat sebulan sekali dan mesyuarat bersama semua kepimpinan kanan kampus melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) yang diadakan setiap 4 bulan sekali. Selain daripada dua mesyuarat utama ini, pihak kepimpinan juga sentiasa menganjurkan program *Retreat & Revisit* bersama semua pemegang taruh. Program yang dianjurkan setahun sekali ini akan membincangkan pencapaian bidang tumpuan dalam tempoh setahun. Melalui dua mesyuarat utama dan program *Retreat & Revisit* ini (**Lampiran 1**), kepimpinan kanan dapat mengukur prestasi penerbitan dan penyelidikan dalam tempoh tertentu serta mengenalpasti kelemahan sedia ada. Seterusnya, pihak kepimpinan kanan dapat merangka penambahbaikan samada untuk dilaksanakan pada kadar segera atau untuk perancangan masa hadapan. Selain daripada itu, pihak kepimpinan kanan dapat membuat pemantauan prestasi setiap RIG yang berdaftar di UiTM Perlis melalui program penarafan bintang atau *MyRIG*. Melalui inisiatif ini, setiap RIG perlu menghantar prestasi dalam tempoh tertentu untuk dinilai oleh pihak PJIMAK dan diberikan penarafan bilangan bintang mengikut prestasi yang dikemukakan. (**Lampiran 2**). Selain daripada pemantauan dua bidang utama ini, pihak kepimpinan kanan juga sentiasa membuat pemantauan prestasi pengkomersialan produk Harum Manis UiTMPs. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JEN), prestasi pengeluaran dan penjualan Harum Manis setiap musim akan dibentangkan bagi mengenalpasti kelemahan dari segi pengeluaran, kualiti, dan kelemahan kaedah pemasaran. Perbincangan bersama unit ladang yang bertanggungjawab kepada ladang harum manis juga sentiasa dibuat bagi meningkatkan kadar pengeluaran Harum Manis UiTMPs.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 1- PROGRAM RETREAT DAN HALA TUJU UiTM CAWANGAN PERLIS 2020.pdf](#)
2. [Lampiran 2 - Borang pemarkahan penarafan RIG.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sepanjang tempoh 2018-2020, di antara sasaran yang telah dicapai adalah seperti bilangan permohonan geran nasional dan industry serta bilangan permohonan geran nasional dan industry (Lampiran 1). Tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengurangkan risiko kegagalan adalah seperti berikut:

1. Menetapkan sasaran permohonan, bilangan perolehan geran dan juga jumlah perolehan (RM) bermula tahun 2018.
2. UiTM Perlis juga telah meletakkan sasaran 5 tahun ke arah 100% pencapaian geran setiap kategori.
3. Mewujudkan insentif khas di bawah unit pengurusan penyelidikan iaitu **MyMerit** dan **MyInsentif** bermula pada tahun 2020.
4. Merombak sistem pengoperasian pengurusan penyelidikan dan inovasi kepada 2 entiti pengurusan berbeza iaitu **unit pengurusan penyelidikan** dan juga **unit pengurusan Inovasi dan kepakaran**.
5. Memperkenalkan geran dalaman iaitu Dana Pembudayaan Penyelidikan Dalaman (DPPD) bagi mencetuskan revolusi penyelidikan dan juga permohonan geran. Strategi ini telah berjaya mencetuskan transformasi yang sangat besar dalam sejarah penyelidikan UiTM Cawangan Perlis.
6. Unit pengurusan penyelidikan UiTM Perlis telah memanfaatkan webinar yang dilaksanakan oleh TNC Penyelidikan dan Inovasi.
7. Sokongan pengurusan kanan UiTM Perlis. Mesyuarat jawatankuasa penyelidikan negeri (JPN) juga dijalankan setiap 2 bulan sekali bagi memantau progress penyelidikan.

Pengurusan risiko memainkan peranan penting ke arah mengenalpasti, merangka serta mengambil tindakan sekiranya sesuatu sasaran yang telah ditetapkan tidak berada pada kedudukan yang baik untuk dicapai. Dengan mengambil contoh jumlah geran antarabangsa dan penghantaran geran antarabangsa, statistik tahun 2018-2020 menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan (Lampiran 2). Antara kekangan yang dihadapi bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan yang belum mencapai sasaran adalah kurang pendedahan berkenaan permohonan geran antarabangsa serta kurang jalinan penyelidikan di antara universiti luar negara. Tindakan-tindakan susulan yang telah dan sedang diambil bagi mengurangkan risiko kegagalan untuk mencapai sasaran adalah seperti berikut:

1. Menjalankan program pertandingan penyelidikan dan inovasi diantara universiti luar yang berjiran dengan Malaysia bagi meningkatkan kerjasama penyelidikan serantau. International Malaysia, Indonesia, Thailand Symposium on Innovation and Creativity (IMIT-SIC) telah diperkenalkan oleh UiTM cawangan Perlis bagi menggalakkan jalinan kerjasama penyelidikan diantara universiti luar negara
2. Memorandum of understanding (MoU) dengan university luar negara juga telah ditingkatkan
3. Webinar berkaitan permohona geran antarabangsa telah dibuat
4. Memperkenalkan geran padanan antarabangsa dan industri UiTM cawangan Perlis

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1 Pengurusan risiko.pdf](#)
2. [Lampiran 2 Pengurusan risiko.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan berterusan oleh pihak kepimpinan mendapati terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan sasaran pencapaian yang ditetapkan tercapai dengan jayanya. Pihak kepimpinan kanan menggunakan mekanisme komunikasi secara *top-down* dan *bottom-up* supaya dapat mewujudkan dialog dua hala dengan warga UiTMPs dan mendapatkan maklum balas dari mereka. Hasil pemerhatian, pihak kepimpinan mendapati antara kelemahan utama ialah pemantauan yang berkesan dan penyampaian maklumat yang tepat kepada pensyarah UiTMPs. Bagi mengatasi kelemahan ini, pihak PJIMAK menggunakan pemantauan mengikut fakulti dimana wakil bagi setiap fakulti dilantik (Lampiran 1). Mereka berperanan untuk memantau dan melaporkan secara terus kepada kepimpinan kanan berkaitan prestasi penerbitan dan penyelidikan bagi fakulti masing-masing. Mereka juga berperanan untuk menyampaikan secara terus maklumat berkaitan dengan bidang tumpuan kepada pensyarah. Pihak PJIMAK juga telah menambahbaik pemantauan penerbitan berindeks dengan menetapkan KPI (Key Performance Index) bagi setiap fakulti mengikut empat kategori utama iaitu penerbitan konferensi berindeks, penerbitan jurnal berindeks SCOPUS, WOS dan ERA, penerbitan berindeks dengan kerjasama penyelidik antarabangsa dan penerbitan berindeks dengan kerjasama industri.

Penubuhan kumpulan penyelidik atau Research Interest Group (RIG) yang berdaftar dibawah PJIMAK UiTM Perlis juga menunjukkan peningkatan yang positif tetapi kurang aktif dari segi penyelidikan dan penerbitan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak PJIMAK memperkenalkan satu program yang dinamakan sebagai penarafan RIG pada tahun 2020 (Lampiran 2) dimana penarafan bintang diberikan kepada setiap RIG mengikut item tertentu. Melalui mekanisme ini, pihak PJIMAK dapat membuat pemantauan yang lebih teliti prestasi setiap RIG yang berdaftar dan menggalakkan setiap RIG untuk meningkatkan pencapaian. Selain daripada itu, kemudahan dan prasarana adalah signifikan kepada kelangsungan penyelidikan. Pihak kepimpinan mengenalpasti kemudahan dan prasana di Pulau Tuba sebagai tempat penyelidikan marlin kurang mendapat sambutan dikalangan penyelidik UiTM Perlis atas faktor keselamatan dan kemudahan penginapan yang tidak lengkap. Menyedari hal demikian, pihak kepimpinan UiTM Perlis telah menambah baik dengan menempatkan polis bantuan UiTMPs dan menambah bangunan sebagai penginapan pensyarah. Dari segi penjualan Harum Manis UiTMPs, pihak kepimpinan mendapati pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada hasil jualan. Justeru itu, kaedah alternative penjualan secara atas talian diperkenalkan bagi memudahkan orang ramai mendapatkn produk UiTMPs ini.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1 - Jawatankuasa.pdf](#)
2. [Lampiran 2 - Borang pemarkahan penarafan RIG.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan UiTM Cawangan Perlis mengerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan melalui kaedah-kaedah seperti berikut.

1. Mengadakan bengkel bagi membangunkan Perancangan Strategik tahunan yang memberi penekanan usaha-usaha ke arah pencapaian Visi dan Misi UiTM. Sila rujuk Lampiran 1 – Perancangan Strategik UiTM Perlis.
2. Secara berterusan mengadakan perbincangan bersama Ketua-Ketua Unit untuk mengenalpasti inisiatif dan insentif untuk meningkatkan motivasi pensyarah-pensyarah. Antara yang telah diwujudkan adalah seperti memperkenalkan 9 insentif seperti MyMerit, MyIncentive, MyImpactJournal, dan MyScopus. Selain dari itu, memperkenalkan Anugerah Semarak Sanjung untuk memberi pengiktirafan kepada individu dan fakulti.
3. Mengadakan Sesi Outreach ke fakulti-fakulti untuk menyebarkan maklumat, dan mendapatkan input dan mendengar isu dan permasalahan dari para pensyarah secara terus agar sebarang isu dan masalah dapat dicari jalan penyelesaian.
4. Memberi penjelasan tentang UiTM 2025 kepada setiap koordinator dan staf secara berkala.
5. Menjalankan pemantauan bulanan pencapaian KPI oleh setiap Koordinator, dan berbincang tentang isu dan penambahbaikan strategi dari semasa ke semasa.
6. Membentangkan status dan pencapaian penyelidikan, jaringan, MoU dan MoA, inovasi, dan untuk penerbitan setiap fakulti melalui (Lihat Lampiran 2 – Minit Mesyuarat JPN):
 - i. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)
 - ii. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)
 - iii. Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN)
7. Menambahbaik governance Bahagian PJIM&A melalui penstrukturan unit-unit untuk membolehkan portfolio yang lebih jelas dan khusus untuk setiap unit.
8. Menjalankan profiling untuk mengenalpasti kekuatan pensyarah melalui data yang diperolehi melalui sistem PRISMa, IRES, SMART dan ICON.
9. Menjalankan proses penandas atau benchmarking melalui mesyuarat dengan universiti lain seperti UM Technovation, USM dan lain-lain lagi bagi melihat kaedah perjalanan dan pengoperasian sesebuah bahagian.
10. Memberi galakkan untuk setiap unit mewujudkan platform/program yang dapat memberi peluang kepada semua pensyarah untuk berkongsi.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 1-Perancangan Strategik UiTM Perlis.pdf](#)
2. [Lampiran 2-Minit mesyuarat JPN.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan pelan tindakan strategik yang mantap merupakan salah satu elemen terpenting dalam merealisasikan hasrat UiTM Cawangan Perlis untuk menjadi sebuah kampus yang unggul terutamanya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2020 telah dibangunkan berpandukan sumber rujukan utama iaitu Pelan Strategik UiTM2025 seperti yang telah diamanatkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Justeru Model Hala Tuju Strategik 2020 telah dibangunkan di bawah pelan tindakan ini. Terdapat lima (5) agenda utama di dalam model ini iaitu Pemantapan Myra, Kebolehpasaran Graduan, Kampus Tersohor, Penjanaaan Pendapatan dan Kecekapan Tadbir Urus. Setiap agenda pula mempunyai tema-tema tertentu yang telah ditetapkan. Bidang penerbitan dan penyelidikan berada di bawah agenda Pemantapan Myra dan Kampus Tersohor manakala bidang pengkomersilan berada di bawah agenda Kebolehpasaran Graduan, Kampus Tersohor dan Penjanaaan Pendapatan. Segala perancangan yang termaktub di dalam Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Perlis telah disampaikan kepada warga kampus melalui pelbagai wadah, di antaranya Amanat Tahunan Rektor dan juga Majlis Penyampian Sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) dan *Performance Indicator* peringkat kampus. UiTM Cawangan Perlis juga memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2020 menerusi mekanisma pemantauan dan penilaian yang bersistematik serta berterusan melalui beberapa cara yang sistematik misalnya penggunaan sistem UePMO untuk melaporkan dan memantau pencapaian KPI & PI kampus sepanjang tahun. Selain itu, kemajuan prestasi projek turut dipantau oleh pengurusan kanan UiTM Cawangan Perlis secara berterusan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKE) dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun. Perlaksanaan pelan tindakan strategik kampus ini sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa untuk memastikan UiTM Cawangan Perlis mencapai keunggulan dari segenap aspek terutamanya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

OBJEKTIF DAN INISIATIF PERANCANGAN STRATEGIK UiTM CAWANGAN PERLIS 2020

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Perlis untuk mencapai semua sasaran *Key Performance Indicators* (KPI) dan *Performance Indicators* (PI) yang telah ditetapkan oleh universiti termasuklah KPI dan PI yang melibatkan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Bagi menjayakan hasrat ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak UiTM Cawangan Perlis. Di antara usaha yang telah dijalankan ialah melantik seorang Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) untuk menyelaras semua aktiviti di bawah Unit Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perlis (Bukti 1 – Surat Lantikan PSTU). Berikut adalah skop tugas dan tanggungjawab PSTU:

1. Menyelaras penyediaan pelan strategik UiTM Cawangan Perlis.
2. Memantau pelaksanaan projek-projek yang dirancang di bawah pelan strategik.
3. Menyelaras penyediaan pelaporan pencapaian prestasi bulanan, suku tahunan dan tahunan UiTM Cawangan Perlis.
4. Menyelaras keperluan data dan maklumat yang dipohon oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Selain itu, seramai 4 orang Ahli Jawatankuasa Induk Pelan Tindakan Strategik Kampus yang terdiri daripada pensyarah dari pelbagai fakulti telah dilantik bagi membantu tugas-tugas PSTU (Bukti 2 – Surat Lantikan AJK Induk Strategik). Skop tugas dan tanggungjawab ahli jawatankuasa perancangan strategik kampus adalah seperti berikut:

1. Membantu dalam menyelaras penyediaan pelan strategik UiTM Cawangan Perlis.
2. Membantu dalam memantau pelaksanaan projek-projek yang dirancang di bawah pelan strategik.
3. Membantu dalam menyelaras penyediaan pelaporan pencapaian prestasi bulanan, suku tahunan dan tahunan UiTM Cawangan Perlis.
4. Membantu dalam menyelaras keperluan data dan maklumat yang dipohon oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Semua usaha di atas adalah bertujuan untuk membantu Unit Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perlis dalam pembangunan, penyelarasan dan pemantauan pelan tindakan strategik UiTM Cawangan Perlis dan seterusnya membantu kampus untuk mencapai semua sasaran KPI dan PI yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

SENARAI BUKTI:

1. [Lantikan PSTU.pdf](#)
2. [lantikan AJK strategik.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

OBJEKTIF DAN INISIATIF PERANCANGAN STRATEGIK UiTM CAWANGAN PERLIS SEJAJAR DENGAN PERANCANGAN STRATEGIK UiTM2025

Sebanyak dua program iaitu Bengkel Pra Perancangan Strategik dan Bengkel Perancangan Strategik peringkat UiTM Cawangan Perlis telah berjaya dijalankan bagi merangka pelan tindakan perancangan strategik yang berkesan dan mantap untuk mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak universiti termasuklah untuk bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Bengkel Pra Perancangan Strategik telah dijalankan di kampus UiTM Cawangan Perlis pada 11 Disember 2019 manakala Bengkel Perancangan Strategik telah diadakan di Pulau Langkawi, Kedah pada 15 hingga 17 Disember 2019 (Bukti 1 – Email jemputan dan gambar-gambar sewaktu Bengkel Pra Perancangan Strategik)

Bengkel-bengkel ini telah diterajui oleh Rektor UiTM Cawangan Perlis dengan penglibatan sepenuhnya oleh kesemua kepimpinan kanan kampus, para pensyarah dan juga staf sokongan UiTM Cawangan Perlis. Penglibatan warga UiTM Perlis yang menyeluruh dalam bengkel perancangan strategik, projek serta inisiatif yang terhasil dan aktiviti penambahbaikan adalah bagi memastikan proses perancangan dan pelaksanaan dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mengambil kira maklumat risiko yang dikenal pasti juga langkah penyelesaian.

Melalui bengkel-bengkel tersebut, **Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis** telah dibangunkan dengan jayanya (Bukti 2 – Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis). Terdapat lima agenda utama di dalam model ini iaitu:

1. Pemantapan Myra,
2. Kebolehpasaran Graduan,
3. Kampus Tersohor,
4. Penjanaan Pendapatan dan
5. Kecekapan Tadbir Urus.

Setiap agenda pula mempunyai tema-tema tertentu yang telah ditetapkan. Bidang penerbitan dan penyelidikan berada di bawah agenda Pemantapan Myra dan Kampus Tersohor manakala bidang pengkomersilan berada di bawah agenda Kebolehpasaran Graduan, Kampus Tersohor dan Penjanaan Pendapatan (Bukti 3 – Lima Agenda Utama Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis).

Pelbagai aktiviti dan sub-aktiviti telah dirancang bagi setiap agenda yang telah ditetapkan di bawah Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis (Bukti 4 – Ringkasan Inisiatif Pelan Perancangan Strategik 2020 UiTM Perlis).

- Bidang PENYELIDIKAN - 8 aktiviti utama & 14 sub-aktiviti
- Bidang PENERBITAN - 2 aktiviti utama & 8 sub-aktiviti
- Bidang PENGKOMERSILAN - 16 aktiviti utama & 35 sub-aktiviti

Segala perancangan yang termaktub di dalam Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis telah disampaikan kepada warga kampus melalui Amanat Tahunan Rektor yang telah diadakan pada bulan Januari 2020. Selain itu, maklumat ini turut disampaikan oleh ketua-ketua bahagian, ketua-ketua unit dan Ketua Pusat Pengajian kepada staf di bawah seliaan masing-masing melalui Majlis Penyampian Sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) dan *Performance Indicator* (PI) Peringkat UiTM Cawangan Perlis yang telah diadakan pada 17 Mac 2020 (Bukti 5 – Email jemputan).

Penilaian risiko turut dijalankan terhadap aktiviti dan sub-aktiviti yang telah dirancang. Ini untuk memastikan semua projek yang telah dirancang dapat dijalankan dengan lancar.

SENARAI BUKTI :

1. [Email jemputan dan gambar bengkel.pdf](#)
2. [model halatuju strategik UiTM Perlis.pdf](#)
3. [5 Agenda Utama Model Hala Tuju Strategik.pdf](#)
4. [RINGKASAN INISIATIF PELAN PERANCANGAN STRATEGIK 2020 UITM PERLIS.pdf](#)
5. [Email jemputan ke sesi agihan KPI PI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTM Cawangan Perlis memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2020 menerusi mekanisma pemantauan dan penilaian yang bersistematik serta berterusan. Sistem UePMO v3 yang dibangunkan oleh BTU digunapakai untuk melaporkan dan memantau pencapaian KPI & PI kampus setiap bulan (Bukti 1 – Sistem UePMO). Selain itu, sistem Dashboard Petunjuk Prestasi Utama (KPI) / Petunjuk Prestasi (PI) juga digunakan secara menyeluruh untuk membantu dalam analisa pencapaian kampus (Bukti 2 - Sistem Dashboard Petunjuk Prestasi Utama).

Selain itu, kemajuan projek melalui tanda aras pengukuran secara berkala dan prestasi projek turut dipantau oleh pengurusan kanan UiTM Cawangan Perlis secara berterusan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKE) dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun (Bukti 3 - Keratan minit mesyuarat JPN).

Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) turut dijemput sebagai ahli turut hadir di dalam Mesyuarat Pengurusan Akademik (MPA) di mana segala maklumat terperinci berkaitan pelan perancangan strategik kampus dan juga pencapaian terkini KPI dan PI kampus dapat disampaikan secara terus kepada para pentadbir akademik dan seterusnya dapat disampaikan kepada seluruh warga kampus. (Bukti 4 – Minit Mesyuarat Pengurusan Akademik).

Dalam usaha memantau dan menilai Pelan Tindakan Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis, terdapat satu inovasi yang telah diwujudkan untuk membantu dalam pemantauan semua aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di UiTM Cawangan Perlis. Sistem Pelaporan ICAN yang dibangunkan oleh ICAN di bawah PJIM&A UiTM Cawangan Perlis telah digunapakai untuk merekod semua aktiviti yang telah dijalankan di peringkat kampus. Ini sangat memudahkan setiap pihak untuk memantau apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan termasuklah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bidang penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan (Bukti 5 – *Screenshot* dari sistem ICAN).

SENARAI BUKTI:

1. [SISTEM UePMO.pdf](#)
2. [SISTEM DASHBOARD.pdf](#)
3. [KERATAN MINIT MESYUARAT JPN.pdf](#)
4. [KERATAN MINIT MESYUARAT MPA.pdf](#)
5. [SISTEM ICAN.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

ANALISA PENGURUSAN RISIKO

Setiap risiko telah dianalisa, dikenalpasti dan disenaraikan yang bagi semua projek yang telah disenaraikan di dalam Pelan Tindakan Strategik 2020 UiTM Cawangan Perlis (bukti 1 - Senarai Risiko bagi setiap projek).

Sekiranya berlaku sebarang masalah atau halangan semasa projek sedang berjalan, langkah-langkah awal diambil dan dinilai bagi memastikan tiada kegagalan dalam melaksanakan semua projek yang telah dirancang. Ianya juga bertujuan agar semua KPI dan PI yang telah ditetapkan UiTM kepada UiTM Cawangan Perlis berjaya dicapai.

SENARAI BUKTI :

1. [SENARAI RISIKO PELAN PERANCANGAN STRATEGIK 2020 UITM PERLIS.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

ANALISA PENCAPAIAN OUTPUT PROJEK

Peratusan pencapaian projek dianalisis melalui sistem UePMO v3 (Bukti 1 - *Screenshot* Sistem UePMO) secara berkala secara bulanan serta suku tahunan. Selain itu, sistem Dashboard Petunjuk Prestasi Utama (KPI) / Petunjuk Prestasi (PI) juga digunakan secara menyeluruh untuk membantu dalam analisa pencapaian kampus (Bukti 2 - *Screenshot* Sistem Dashboard Petunjuk Prestasi Utama).

Pencapaian kemajuan sentiasa dianalisis bagi memastikan pencapaian output adalah kekal selari dengan hala tuju UiTM Cawangan Perlis secara khasnya dan UiTM secara amnya.

SENARAI BUKTI :

1. [SISTEM UePMO.pdf](#)
2. [SISTEM DASHBOARD.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INOVASI YANG TERHASIL DARI PELAKSANAAN ATAU PENAMBAHBAIKAN PERANCANGAN STRATEGIK

Beberapa inovasi telah terhasil melalui pemantapan dan penambahbaikan Pelan Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2020. Inovasi-inovasi tersebut sangat membantu di dalam pelaksanaan perancangan strategik kampus. Antara inovasi yang berjaya dihasilkan adalah:

1. Penghasilan Dokumen Pelan Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2020 yang menjadi sumber rujukan utama untuk memastikan semua perancangan yang termaktub di dalam Model Hala Tuju Strategik 2020 UiTM Perlis berjaya dicapai (Bukti 1 - Pelan Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2020).
2. Pembangunan Sistem Pelaporan ICAN yang dibangunkan oleh ICAN di bawah PJIM&A UiTM Cawangan Perlis telah digunapakai untuk merekod semua aktiviti yang telah dijalankan di peringkat kampus (Bukti 2 – *Screenshot* Sistem ICAN).
3. Menjadikan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) sebagai ahli turut hadir di dalam Mesyuarat Pengurusan Akademik di mana PSTU dapat menyampaikan maklumat secara terus mengenai pelan perancangan strategik kampus dan juga pencapaian terkini KPI dan PI kampus (Bukti 3– Keratan Minit Mesyuarat Pengurusan Akademik).
4. Penubuhan “*Group WhatsApp*” di antara Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) bersama dengan Ahli Jawatankuasa Perancangan Strategik Kampus untuk membantu dalam pemantauan dan penambahbaikan perancangan strategik UiTM Perlis serta pencapaian KPI dan PI UiTM Perlis (Bukti 4- *screenshot* Whatapp group).

SENARAI BUKTI :

1. [Pelan Tindakan Strategik Cover.pdf](#)
2. [SISTEM ICAN.pdf](#)
3. [KERATAN MINIT MESYUARAT MPA.pdf](#)
4. [WHATSAPP GROUP UNTUK AJK STRATEGIK KAMPUS.pdf](#)
5. [Pelan Tindakan Strategik Cover.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Selaras dengan hasrat UiTM Cawangan Perlis untuk cemerlang dalam bidang tumpuan utama iaitu penyelidikan, penerbitan dan pengkormersilan, kumpulan sasar utama yang menjadi aset penting kejayaan misi tersebut dikenalpasti dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pelanggan dalaman dan luaran. Pelanggan dalaman terdiri daripada staf akademik, bukan akademik dan pelajar manakala pelanggan luaran pula terdiri daripada ahli akademik dan pelajar universiti dalam dan luar negara, Agensi-agensi kerajaan, Alumni UiTM Cawangan Perlis, Guru dan murid sekolah serta Industri dan Komuniti. Ianya dikenalpasti melalui pelbagai kaedah.

Sebagai contoh pelanggan dalaman dikenalpasti melalui bidang kepakaran, penerbitan dan penglibatan dalam gerak kerja penganjuran program-program kampus manakala bagi pelanggan luaran pula adalah melalui kolaborasi penyelidikan dan penganjuran program, penerbitan bersama, penajaan dan perjanjian MoA/MoU. Selain itu penyertaan program anjuran kampus, rekod tempahan/jualan hasil ladang dan program *knowledge-transfer* juga menjadi salah satu kaedah berkesan dalam mengenalpasti pelanggan. Seterusnya, semua maklumat yang diperolehi, dikumpul dan disimpan dalam bentuk data yang besar dan bersistematik.

Setiap pelanggan dikenalpasti mengikut fungsi supaya keperluan, kehendak dan ekspektasi pelanggan ditepati dan diuruskan secara sistematik dan menyeluruh. Medium maklum balas pelanggan yang diguna pakai untuk tujuan tersebut antaranya adalah melalui sesi perbincangan, mesyuarat dan taklimat di peringkat kampus dan fakulti bagi pelanggan dalaman manakala bagi pelanggan luaran pula medium yang digunakan antaranya adalah borang kaji selidik (*google form participant feedback*), laman web kampus (e-aduan), facebook rasmi kampus dan fakulti, aplikasi whatsapp, telegram dan twitter serta latihan industri.

Langkah proaktif sentiasa dilaksanakan bagi menggalakkan penglibatan kumpulan sasar dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan bidang tumpuan mengikut perancangan. Ianya dilakukan dengan melihat kepada maklum balas pelanggan yang diberikan, proses penilaian dan merekabentuk pelaksanaan gerak kerja dan fasiliti yang bersesuaian agar ianya menepati keperluan, kehendak dan ekspektasi pelanggan. Antara langkah yang diambil adalah menggalakkan semua pensyarah menyertai kumpulan RIG, menjalankan siri kolokium/sharing session bagi memberi ruang penyelidik berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan dan beberapa siri bengkel penulisan bagi meningkatkan kemahiran penulisan jurnal berindeks dan geran penyelidikan. Selain itu platform penerbitan dalaman juga disediakan untuk penerbitan seperti Jurnal Intelek UiTM Cawangan Perlis dan JCRINN. Untuk fasiliti pula, pejabat ALUMNI diwujudkan bagi mengalukan kedatangan dan kerjasama dengan pihak alumni, pusat jualan khas bagi jualan hasil ladang disediakan dan pemetaan plot khas di ladang harummanis khas untuk penyelidikan mangga harummanis.

Seterusnya pemantauan dilakukan bagi melihat dan mengukur keberkesanan tindakan yang dilaksanakan. Ianya dibuat berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan dalam pelan perancangan strategik kampus. Antara bentuk pemantauan yang telah dijalankan adalah mesyuarat bulanan tentang pencapaian KPI oleh setiap unit dari masa ke semasa serta pembentangan status dan pencapaian penyelidikan, jaringan, MoU, inovasi dan penerbitan bagi setiap fakulti di dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) dan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN). Perbincangan dan perkongsian juga dibuat bersama dengan institusi pengajian tinggi lain dalam mengenalpasti penandaaras pencapaian terbaik (*benchmarking*) kaedah perjalanan dan pengoperasian sesebuah unit. Sekiranya sesuatu langkah yang dilaksanakan tidak menunjukkan pencapaian seperti yang diharapkan, tindakan penambahbaikan berterusan akan dibuat bagi memastikan setiap inisiatif yang diambil memberi impak kepada kejayaan bidang tumpuan.

Secara keseluruhannya, UiTM Cawangan Perlis telah berjaya melakukan pelbagai inovasi penambahbaikan dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh dari segi bidang penyelidikan dan penerbitan, beberapa dasar dan polisi baharu diperkenalkan melibatkan pemberian insentif dan anugerah penghargaan kepada ahli akademik yang cemerlang dalam bidang tersebut. Daripada segi pengkomersilan pula, masalah buah lambat sampai dan rosak ketika dalam perjalanan dengan cabaran kekangan semasa pandemic Covid 19 diatasi dengan mewujudkan platform tempahan dan pembelian secara online, mewujudkan group whatsapp & telegram untuk peluasan jaringan pemasaran, membuat perjanjian penggunaan perkhidmatan City Link untuk proses penghantaran supaya buah lebih cepat sampai dan menambah baik cara pembungkusan buah agar kekal elok ketika dalam perjalanan. Langkah-langkah inovasi yang diambil ini sangat berkesan dalam mendokong misi bidang tumpuan dimana keberhasilannya dapat dilihat dengan jelas melalui peratusan pencapaian *key- performance indicator* (PI) UiTM2025 Strategic Plan yang menunjukkan hampir kesemuanya mencapai sasaran.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, UiTM Cawangan Perlis telah mengklasifikasikan kumpulan sasaran kepada 2 kategori iaitu **pelanggan dalaman** dan **pelanggan luaran**. Setiap kumpulan pelanggan mempunyai keperluan yang berbeza mengikut peranan atau fungsi masing-masing. UiTM Cawangan Perlis memberikan keutamaan dalam mengenalpasti keperluan pelanggan bagi memastikan kepuasan pelanggan tercapai seterusnya menyumbang kepada kejayaan Pelan Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perlis bagi bidang tumpuan.

Pelanggan Dalaman

Pelanggan dalaman terdiri daripada 679 staf (**345 staf akademik, 334 staf bukan akademik**) dan pelajar (**3017 sarjana muda, 53 sarjana**). Ianya dikenalpasti melalui kepakaran, bidang pengajian dan tugas masing-masing.

Staf akademik terdiri daripada 43 staf akademik Trek Kepimpinan, 3 staf akademik Trek Penyelidikan dan 299 Trek Pengajaran & Pembelajaran.

Pelanggan Luaran

Pelanggan luaran terbahagi kepada DUA iaitu di peringkat antarabangsa dan tempatan iaitu:

1) Peringkat Antarabangsa:

Pelajar & pensyarah dari universiti luar negara seperti Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Indonesia, National Central University, Taiwan, Universitas Islam Riau, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Universiti Brunei Darussalam dan lain-lain.

2) Peringkat Tempatan:

Pelanggan produk keluaran UiTM Cawangan Perlis seperti Harum Manis dan Laktut, Agensi-agensi kerajaan, Alumni UiTM Cawangan Perlis, Ahli akademik dan pelajar universiti tempatan, Guru dan murid sekolah, Industri dan Komuniti.

Rujuk Jadual 3.2 untuk melihat senarai pelanggan secara terperinci. UiTM Cawangan Perlis merupakan kampus yang mempunyai **ladang Mangga Harumanis terbesar di Malaysia secara pemilikan tunggal dari segi keluasan dan juga bilangan pokok**. Berdasarkan Petunjuk Prestasi PI 115, UiTM Cawangan Perlis satu-satunya kampus yang memberi hasil ladang tertinggi dan menguntungkan dengan jumlah jualan ratusan ribu setiap tahun. Pembeli mangga harumanis meliputi seluruh negeri di Malaysia adalah kelompok pelanggan luaran terbesar UiTM Cawangan Perlis yang dikenalpasti melalui rekod tempahan.

Selain hasil ladang, UiTM Cawangan Perlis juga mempunyai **pusat penyelidikan khusus Marin di Pulau Tuba** iaitu **Marine Research Station (MARES)** dibawah kumpulan penyelidik **Ocean, Research, Conservation & Advances (ORCA)** untuk projek Mariculture bagi penghasilan Laktut dan penternakan ikan kerapu, jenahak dan seupamanya. Kumpulan ini telah bekerjasama Jabatan Perikanan Negeri Kedah melaksanakan projek komuniti "Penanaman Laktut" bersama komuniti perikanan Kampung Sungai Kubang Badak melalui program *knowledge-transfer*. Ini menjadikan agensi dan komuniti yang terlibat sebahagian daripada pelanggan luaran UiTM Cawangan Perlis untuk bidang tumpuan.

UiTM Cawangan Perlis juga sentiasa menjadi **kampus utama dan terkedepan dalam penganjuran program-program berskala besar** seperti IIDEA(International Innovation, Design and Articulation), ICoFA(International Conference on the future of ASEAN), The 20th IMT-GT Varsity Carnival 2018, iMIT SIC (Seminar on innovation and creativity) dan sebagainya yang

mengumpulkan penyertaan dan semua golongan ahli akademik dan pelajar universiti dalam dan luar negara serta guru dan murid di peringkat Sekolah Rendah dan Menengah. Penganjuran program seperti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta bahkan menggalakkan penglibatan dan komitmen yang sangat tinggi daripada barisan kepimpinan, ketua-ketua unit dan staf.

Untuk memanfaatkan segala kelebihan yang ada bagi mejayakan bidang tumpuan mengikut pelan tindakan strategik, UiTM Cawangan Perlis juga sangat aktif **menjalinkan hubungan** dengan pihak industri, agensi-agensi kerajaan, universiti awam dalam dan luar negara **melalui perjanjian MOA/MOU, pembiayaan geran penyelidikan, penerbitan bersama dan penajaan strategik** bagi program yang dianjurkan.

Kategori, kumpulan sasar dan kaedah mengenalpasti pelanggan mengikut bidang tumpuan ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dan beberapa ringkasan aktiviti melibatkan kumpulan sasar secara khusus dinyatakan dalam Jadual 3.2.

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 3.1 & Jadual 3.2.pdf](#)
2. [Lampiran 1.pptx.pdf](#)
3. [Lampiran 2.pdf](#)
4. [Lampiran 3.pdf](#)
5. [Lampiran 4.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan maklumat yang tepat bagi kumpulan sasaran diperlukan bagi memastikan UiTM Cawangan Perlis dapat menyempurnakan keperluan pelanggan secara sistematik dan menyeluruh. Bagi pelanggan dalaman, antara medium yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas pelanggan ialah melalui Sesi Perbincangan, Mesyuarat dan Taklimat di peringkat kampus dan fakulti seperti Majlis Amanat Rektor, pembentangan KPI dalam Mesyuarat Akademik serta penetapan sasaran tahunan staf melalui pelaksanaan LNPT (Laporan Penilaian Prestasi Tahunan) yang selari dengan objektif bidang tumpuan. Segala maklumat dan aspirasi pengurusan dalam kerangka pelan perancangan strategik kampus dibawah sasaran petunjuk prestasi (PI) juga disampaikan melalui medium ini.

Untuk pelanggan luaran medium yang digunakan antaranya ialah borang kaji selidik (google form participant feedback) dalam prosedur penghantaran laporan akhir program yang lengkap, laman web kampus (*e-aduan*), facebook rasmi kampus dan fakulti serta aplikasi whatsapp, telegram dan twitter. Medium ini diaktifkan lagi dengan mengadakan *sharing session* di fb live dan youtube, market survey menerusi google form, lawatan industri oleh pensyarah dan pelajar serta lantikan pensyarah pelawat di universiti yang membuat MoA/MoU dengan UiTM Cawangan Perlis. Medium yang digunakan adalah bersifat dua hala dimana dengan medium yang sama maklumat maklum balas pelanggan diperolehi dan aspirasi kampus disampaikan.

Seterusnya, semua maklumat yang diperolehi dikumpulkan dan disimpan dalam bentuk data yang besar yang bersistematik dimana ia seterusnya diwartakan di dalam Perancangan Strategik Kampus. Sistem penyimpanan data dan maklumat berkaitan perundingan adalah di dalam ICAN, manakala IRES untuk maklumat penyelidikan dan IRMIS bagi maklumat penerbitan. Kaedah maklumat pelanggan dikumpul dan disimpan seperti dalam **Jadual 3.3** dan medium maklum balas pelanggan secara terperinci dalam **Jadual 3.4**.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 3.3 & Jadual 3.4.pdf](#)
2. [Lampiran 5.pdf](#)
3. [Lampiran 6.pdf](#)
4. [Lampiran 7.pdf](#)
5. [Lampiran 8.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan secara berkesan sentiasa dilaksanakan bagi menggalakkan penglibatan kumpulan sasaran dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan bidang tumpuan mengikut perancangan. Ianya dilakukan dengan melihat kepada KPI yang telah ditetapkan dalam pelan perancangan strategik kampus. Antara bentuk pemantauan yang telah dijalankan adalah pemantauan bulanan tentang pencapaian KPI oleh setiap unit dari masa ke semasa serta pembentangan status dan pencapaian penyelidikan, jaringan, MoU, inovasi, penerbitan bagi setiap fakulti di dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) dan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN).

Dengan pelaksanaan bidang tumpuan telah memberi kebaikan dan ganjaran kepada kumpulan sasaran merangkumi pelbagai bentuk seperti perkhidmatan, kemudahan, ganjaran dan lain-lain keperluan yang sangat membantu. Aspek tumpuan kepada pelanggan ini merangkumi proses memahami kehendak dan kepuasan pelanggan dan memastikan kehendak pelanggan dipenuhi seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 3.6**.

UiTM Cawangan Perlis memberi tumpuan kepada staf akademik dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan. Prasarana, mudah-cara proses-proses berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di samping sistem yang teratur dapat memberi impak yang positif pada bidang tumpuan. Pelbagai aktiviti yang dianjurkan bagi memberi pendedahan dan peluang kepada staf untuk menjayakan hasil bidang tumpuan seperti latihan dan bengkel penulisan saintifik, penerbitan jurnal berwasit, bengkel hak cipta, pertandingan inovasi dan sebagainya.

Antara kemudahan fasiliti dan sumber yang telah disediakan oleh UiTM Cawangan Perlis bagi menyokong bidang tumpuan adalah:

- i) Makmal penyelidikan yang lengkap untuk penyelidik seperti Marine Research Station (MARES) di Pulau Tuba dan plot khas di ladang untuk penyelidikan harum manis.
- ii) Kemudahan makmal komputer di kompleks star
- iii) Perpustakaan Dato Jaafar Hassan – Kemudahan perkhidmatan rundingan penyelidikan dan sumber data, Modul dan kelas kemahiran maklumat yang ditawarkan

Pihak luar seperti industri dan masyarakat juga tidak ketinggalan di dalam menggunakan kemudahan ini. Kerjasama antara industri dan UiTM Cawangan Perlis, memberi peluang untuk staf akademik berkongsi ilmu melalui kerja konsultansi bagi menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh pihak industri dan masyarakat melalui program Strategic Research Partnership, Dana DDN, Young Talent Researcher & Lestari Covid. Perkongsian ilmu juga dapat dijalankan dengan masyarakat khususnya guru dan pelajar sekolah bagi memberi pendedahan kepada generasi baru mengenai konsep penyelidikan dan inovasi melalui penganjuran program berskala besar seperti iIDEA (International Innovation, Design and Articulation) lima kali berturut-turut dan juga Seminar on innovation and creativity (SIC) 9 kali berturut-turut. Program-program ini bukan sahaja telah menarik minat dan membuka minda pelajar dan guru sekolah, bahkan berjaya menjadi platform mengumpul hasil kreativiti dan inovasi ahli akademik dan pelajar dari universiti tempatan dan antarabangsa.

Diantara insentif yang diberikan oleh UiTM Cawangan Perlis kepada staf dalam menjayakan bidang tumpuan adalah pemberian Dana Pembudayaan Penyelidikan Dalaman (DPPD), Insentif penggalakan permohonan geran penyelidikan yang menggunakan konsep CPD point melalui MYMERIT, memberi insentif sebanyak RM500(dalam bentuk geran latihan) kepada

pensyarah yang berjaya menerima geran penyelidikan melalui MYINCENTIVE, pemberian insentif kepada pensyarah yang berjaya menerbitkan jurnal Q1 dan Q2 melalui program HI_PUBLICATION dan juga pemberian insentif bertujuan untuk menambah jumlah pendaftaran copyright iaitu program LETS REGISTER YOUR IPR. Selain itu honorarium juga diberikan kepada penyelidik- penyelidik yang aktif dalam program-program yang melibatkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

UiTM juga menganjurkan Majlis Anugerah penghargaan seperti Anugerah Inovasi, Anugerah Harta Intelek dan Anugerah Semarak Penyelidikan/Penerbitan bagi memberi pengiktirafan penglibatan fakulti dan pensyarah dalam penerimaan geran penyelidikan dan penerbitan jurnal berindeks scopus/Wos.

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 3.6.pdf](#)
2. [Lampiran 9.pdf](#)
3. [Lampiran 10.pdf](#)
4. [Lampiran 11.pdf](#)
5. [Lampiran 12.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko yang boleh memberi kesan kepada keupayaan UiTM Cawangan Perlis untuk mencapai objektifnya ditunjukkan dalam **Jadual 3.8**. UiTM Cawangan Perlis telah berjaya melaksanakan perancangan terbaik untuk memastikan pencapaian maklum balas pelanggan khususnya semasa menangani isu-isu semasa PKP & Pandemic Covid 19. Antara lain adalah berkaitan pemasaran magga harummanis, isu-isu pelajar pascasiswazah yang tidak dapat melakukan penyelidikan makmal di kampus dan penglibatan alumni.

Bagi isu pemasaran magga harumanis ketika pandemik, pihak pengurusan telah membuat perjanjian dengan City Link untuk memastikan buah sampai kepada pelanggan dalam tempoh 2 hari, mewujudkan sistem pesanan menggunakan aplikasi media sosial seperti Whatapps dan Telegram, mengadakan Fiesta Harum Manis secara online dan membuat jualan di luar kawasan kampus.

Seterusnya permohonan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) (PTNCA&A) dibuat bagi mendapat kebenaran masuk ke kampus pelajar pascasiswazah yang perlu membuat kerja penyelidikan di makmal. Semua dokumen perincian kaedah pengoperasian aktiviti dan SOP mengikut pekeliling Naib Canselor Bil-8 disediakan oleh pihak pengurusan untuk urusan ini yang akhirnya permohonan yang dibuat memperoleh kelulusan.

Bagi mengekalkan hubungan baik dengan pihak alumni walaupun dalam kekangan situasi pandemik Covid 19, pelbagai aktiviti bersama alumni dijalankan secara online seperti Forum Kerjaya Bersama Alumni DPIM, Webinar Postcovid-19 Crisis and Career Development on Polymer Fresh Graduate, beberapa siri Santai Talk Alumni Teknologi Marin, Expert Talk Series dan Halatuju Kerjaya Dalam Bidang Geomatik.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 3.8.pdf](#)
2. [LAMPIRAN 13.pdf](#)
3. [Lampiran 14.pdf](#)
4. [Lampiran 15.pdf](#)
5. [Lampiran 16.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penglibatan serta maklum balas dari pelanggan amat diambil berat oleh pihak pengurusan dan kepimpinan kanan bagi memastikan segala aktiviti yang dilaksanakan sejajar dengan visi dan misi kampus. Perancangan pengurusan penting bagi menentukan keperluan dan kehendak kumpulan sasaran adalah ditepati dan melebihi ekspektasi. Ini kerana pihak pengurusan kampus percaya dan yakin penyediaan suasana kerja yang kondusif, komunikasi yang berkesan, perkhidmatan penyelidikan yang cekap serta fasiliti yang mencukupi amat membantu dalam menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan. Bagi menjayakan perancangan yang dibuat, pengurusan kampus mengambil langkah inisiatif dengan memastikan aktiviti yang dirangka dan dijalankan adalah melalui proses PDCA seperti dalam **Jadual 3.9**.

Pihak pengurusan dan kepimpinan kanan kampus telah memberi komitmen yang sangat tinggi dalam mengambil tindakan terhadap sebarang maklum balas pelanggan yang diterima. Antaranya ialah sentiasa mengadakan perbincangan bersama ketua-ketua unit dan wakil fakulti secara *bottom up* untuk mengenalpasti maklumat dan mencari inisiatif penambahbaikan. Sebagai contoh

- i) Pemantauan bulanan tentang pencapaian KPI oleh setiap koordinator, dan berbincang tentang isu dan penambahbaikan strategi dari semasa ke semasa.
- ii) Membentangkan status dan pencapaian penyelidikan, jaringan, MoU, inovasi, penerbitan setiap fakulti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) dan Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN)
- iii) Pengenalan polisi-polisi dan dasar dasar baharu, pengenalan insentif-insentif untuk menyokong ekosistem.

Seterusnya menambahbaik *governance* Bahagian PJIM&A melalui penstrukturan semula unit-unit untuk membolehkan portfolio yang lebih jelas dan khusus untuk setiap unit serta melakukan profiling bagi mengenalpasti kekuatan pensyarah melalui data yang diperolehi melalui sistem PRISMa, IRES, SMART dan ICON. Perbincangan dan perkongsian juga dibuat bersama dengan institusi pengajian tinggi lain seperti UM Technovation dan USM bagi mengenalpasti penanda aras pencapaian terbaik (*benchmarking*) kaedah perjalanan dan pengoperasian sesebuah unit. Seterusnya galakan diberikan untuk setiap unit mewujudkan platform/program yang dapat memberi peluang kepada semua pensyarah untuk berkongsi.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 3.9.pdf](#)
2. [Lampiran 17.pdf](#)
3. [Lampiran 18.pdf](#)
4. [Rajah 1.pdf](#)
5. [Lampiran 19.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada maklumbalas pelanggan, pemantauan yang berkesan dan tindakan penambahbaikan yang berterusan dalam memenuhi keperluan pelanggan telah mendokong kejayaan objektif kampus dalam bidang tumpuan. Pihak pengurusan dan kepimpinan kanan kampus berhasil melakukan inovasi penambahbaikan dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh dari segi penyelidikan dan penerbitan, beberapa dasar dan polisi baharu diperkenalkan melibatkan pemberian sembilan insentif berbeza mengikut objektif tertentu. Beberapa jenis anugerah penghargaan juga diperkenalkan mengikut kriteria dan kategori khusus agar ianya lebih spesifik dan menyeluruh meliputi kecemerlangan individu, RIG dan fakulti.

Pada tahun 2020, negara dan seluruh dunia dilanda pandemik yang menyebabkan perubahan yang besar dalam semua gerak kerja. Antaranya adalah kekangan untuk berkumpul dan pekeliling bekerja dirumah bagi staf menyebabkan inovasi gerak kerja baru diperkenalkan. Bagi staf akademik, semua mesyuarat atau perbincangan dilakukan di atas talian sama ada melalui google meet, cisco webex dan lain-lain. Bagi staf bukan akademik jadual penggiliran bertugas di kampus yang lebih fleksibel diwujudkan. Manakala bagi pelajar siswazah, jadual penggiliran masuk ke makmal dan perincian kaedah pengoperasian baharu diperkenalkan bagi membolehkan kerja penyelidikan tetap berjalan.

Dari segi pengkomersilan, masalah kelambatan dalam proses penghantaran harum manis kepada pelanggan sering disuarakan selain buah yang rosak ketika dalam perjalanan. Cabaran baru yang timbul ketika pandemik pula ialah buah tidak dapat dipasarkan seperti tahun-tahun sebelumnya kerana perintah kawalan pergerakan (PKP) berterusan. Pihak pengurusan mengambil langkah drastik melakukan inovasi penambahbaikan dengan mewujudkan platform tempahan dan pembelian secara online, mewujudkan group whatsapp & telegram untuk peluasan jaringan pemasaran, membuat perjanjian penggunaan perkhidmatan City Link untuk proses penghantaran supaya buah lebih cepat sampai dan menambah baik cara pembungkusan buah agar kekal elok ketika sampai ke tangan pembeli. Langkah inovasi yang diambil ini sangat berkesan dan memberi impak besar kepada hasil jualan harum manis dalam situasi pandemik. Rujuk Jadual 3.10 untuk melihat hasil inovasi secara terperinci.

Keberkesanan tindakan dan inovasi-inovasi yang dilaksanakan jelas dapat dilihat melalui peningkatan pencapaian yang memberangsangkan dalam bidang tumpuan seperti yang ditunjuk secara terperinci dalam Jadual 3.11. Ianya diukur berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI) yang dibuat dalam Pelan Perancangan Strategik Kampus.

Untuk bidang penyelidikan, secara keseluruhannya UiTM Cawangan Perlis telah menjadi antara kampus cawangan yang mendapat jumlah geran tertinggi secara khususnya untuk kategori Geran Universiti sebanyak RM220k dan Geran Nasional RM332k bagi tahun 2020. Peningkatan dalam jumlah permohonan geran dan penglibatan pensyarah dalam perundingan membantu pencapaian cemerlang ini. Dari segi peratusan jumlah permohonan geran meningkat sebanyak 140% pada tahun 2020 berbanding 2018. Manakala bilangan kumpulan *Research Interest Group* (RIG) UiTM Cawangan Perlis yang berdaftar sehingga Nov 2020 adalah sebanyak 51, peningkatan ketara hampir 100% dari tahun-tahun sebelumnya.

Peningkatan yang mendadak juga dapat dilihat dari segi penerbitan terutamanya untuk penerbitan Journal berindeks Q1/Q2. Untuk penerbitan, secara keseluruhan, UiTM Cawangan Perlis mencatat peningkatan sebanyak 11% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya (iaitu 112 penerbitan pada tahun 2020 dan 101 penerbitan pada tahun 2019). Manakala, bagi penerbitan berindeks Scopus/WoS jumlah peningkatan adalah hampir dua kali ganda iaitu sebanyak 181% (45 penerbitan pada 2020 dan hanya 16 penerbitan pada tahun 2019). UiTM

Cawangan Perlis juga telah berjaya menubuhkan tangga kedua teratas di antara kampus negeri untuk penerbitan dalam jurnal Q1/Q2 (iaitu 13 jurnal Q1/Q2) sehingga Disember 2020.

Untuk bidang pengkomersilan, jualan mangga harum manis sentiasa menjadi sumber utama pemangkin ekonomi dan penjanaan pendapatan UiTM Cawangan Perlis. Untuk tahun 2020 sahaja, UiTM Cawangan Perlis berjaya menjana pendapatan sebanyak RM194k untuk hasil jualan mangga harumanis. Walaupun terdapat sedikit penurunan disebabkan situasi pandemik Covid 19 berbanding tahun-tahun sebelumnya, jumlah ini masih mengekalkan momentum keuntungan bagi penjanaan pendapatan kampus. Mengikut rekod induk bagi kategori hasil ladang PI 115 sehingga Jun 2021, UiTM Cawangan Perlis telah menjana pendapatan tertinggi berbanding kampus cawangan lain hasil daripada usaha penilaian maklum balas pelanggan dan inovasi penambahbaikan yang dibuat.

Selain itu dari segi pendaftaran hakcipta harta intelek dan hakcipta produk inovasi (*copyright*) juga menunjukkan peningkatan yang membanggakan. Pada tahun 2020 sebanyak 19 *copyright* telah didaftarkan berbanding hanya satu sahaja direkodkan pada tahun 2019. Pendaftaran hakcipta produk inovasi pula menunjukkan peningkatan sebanyak 90.48% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Bilangan produk inovasi yang dipertandingkan meningkat hampir 6 kali ganda sebanyak 600% dalam masa dua tahun (iaitu 11 produk sahaja pada tahun 2018 meningkat kepada 64 produk pada tahun 2020) dengan peningkatan peratusan pingat emas yang diperolehi hampir sekali ganda daripada 18% pada tahun 2018 kepada 30% pada tahun 2020. Seterusnya sebanyak 18 paten telah didaftarkan pada tahun 2020 berbanding tiada paten didaftarkan pada tahun sebelumnya. Peratusan yang sangat membanggakan untuk kampus cawangan bagi kecemerlangan bidang tumpu.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 3.10.pdf](#)
2. [Jadual 3.11.pdf](#)
3. [Lampiran 20.pdf](#)
4. [Lampiran 21.pdf](#)
5. [Lampiran 22.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), komited dalam meletakkan UiTM Cawangan Perlis selari dengan matlamat utama iaitu Universiti Terkemuka Dunia pada tahun 2025. Bagi merealisasikan matlamat ini beberapa pelarasan dan penambahbaikan telah pun direncanakan di seluruh peringkat khususnya dalam 3 bidang tumpuan utama iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan. Sesuai dengan fungsinya dalam menggalak dan membudayakan penyelidikan kepada warga UiTM Cawangan Perlis, PJIM&A telah menganjurkan dan melaksanakan pelbagai program, bengkel dan seminar berkaitan untuk meningkatkan pencapaian penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Bagi produk perladangan terkenal UiTM Perlis iaitu harumanis, Unit Pengurusan Ladang diberi tanggungjawab sebagai peneraju utama dalam menguruskan hal-hal pengkomersialan.

Perancangan pencapaian Bahagian PJIM&A dan Unit Pengurusan Ladang adalah bersumberkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah digariskan. Bahagian PJIM&A bertanggungjawab dalam merancang pelaksanaan bagi Petunjuk Prestasi (PI) yang telah diperincikan mengikut penanggungjawab, sasaran dan garis masa. Sistem IRES digunakan sepenuhnya bagi melancarkan aktiviti penyelidikan universiti dan maklumat berkaitan penerbitan disimpan dan dikemaskini di dalam Publication Repository Information System Management (PRISMA). Data yang direkodkan melalui sistem-sistem ini akan dijana sebagai laporan yang diterbitkan secara bulanan. Pencapaian PI bagi penyelidikan, penerbitan serta pengkomersialan akan dinilai berdasarkan Laporan Prestasi Penilaian Tahunan (LNPT) pada pertengahan dan hujung tahun. Bagi perkomersialan harumanis, tugas utama staf Unit Pengurusan ladang diperincikan bagi mengoptimumkan operasi pengeluaran dan penjualan. Data pengeluaran harumanis direkodkan secara berkala mengikut pengkelasan dan laporan penjualan dihantar ke Bahagian Kewangan bagi tujuan rekod dan analisa.

Melalui kaedah pengukuran LNPT, Bahagian PJIM&A dan Unit Pengurusan Ladang melakukan analisa bagi mengenalpasti prestasi pencapaian secara perbandingan, kewujudan tren, jurang dan risiko berkaitan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan. Rancangan tindakan penambahbaikan kemudian dirangka bagi mengurangkan jurang dan risiko yang boleh menyumbang kepada ketidakcapaian PI yang telah ditetapkan. Pelan penambahbaikan bagi proses, perkhidmatan dan prestasi dilaksanakan dengan penganjuran pelbagai dasar, program dan insentif bagi mendokong pencapaian Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan UiTM Cawangan Perlis (Rajah 1).

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

4.2.1 Unit Pengurusan Penyelidikan

Unit Pengurusan Penyelidikan bertanggungjawab menguruskan penyelidikan selari dengan RMC menggunakan sistem IRES bagi melancarkan aktiviti penyelidikan dan sebagai pendekatan penilaian pencapaian hasil penyelidikan (KPI) yang telah ditetapkan, pemantauan projek dan pelaporan data penyelidikan di bawah RMC. Rajah 2 menunjukkan barisan pengurusan unit penyelidikan.

Geran penyelidikan perlu didaftarkan di dalam sistem IRES untuk dikemaskini dan dianalisa. Geran penyelidikan yang ditawarkan dari agensi kerajaan atau pembiaya yang disalurkan melalui IRMI akan diurus berdasarkan peraturan, pekeliling dan garis panduan sedia ada.

Strategi penggerak yang digunakan untuk memantau prestasi geran penyelidikan adalah pemantauan penghantaran laporan kemajuan yang dibuat setiap 6 bulan atau 3 bulan samada melalui sistem iRMI, MyGRANTS atau eScienceFund, pertukaran ketua/ahli projek, pelanjutan tempoh projek, penghantaran borang tamat projek dan pengisytiharan harta penyelidikan, penghantaran laporan akhir dan permohonan pindaan vot. Kesemua laporan kemudiannya dilaporkan ke Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JKPeP-RMC). Aliran bagi setiap proses ditunjukkan secara terperinci di dalam Rajah 3.

Strategik penajaan geran turut diadakan seperti taklimat dan bengkel penulisan geran. Inisiatif dimana semua pensyarah yang mempunyai PhD dan tidak mengetuai mana-mana geran penyelidikan diwajibkan untuk memohon geran juga telah banyak membantu meningkatkan permohonan geran (Rajah 4 dan Rajah 5).

Jumlah geran yang diperolehi oleh setiap kampus telah dibandingkan dan digunakan untuk menilai prestasi penyelidikan diantara kampus-kampus UiTM dan mengukur pencapaian geran UiTM Perlis secara khususnya. Ini bertujuan untuk membuktikan bahawa aktiviti penyelidikan di UiTM Perlis adalah aktif dan selari dengan agenda nasional di dalam menyumbang kepada pembangunan negara (Rajah 6).

4.2.2 Unit Pengurusan Penerbitan

Bagi memenuhi PI Unit Penerbitan UiTM Cawangan Perlis, pendekatan yang telah diaplikasikan adalah dengan menetapkan 7 kategori penerbitan bagi menyokong pencapaian aktiviti-aktiviti penerbitan iaitu penerbitan jurnal, seminar, buku penyelidikan, buku, bab buku/penyelidikan, umum dan kerja kreatif. Semua maklumat berkaitan penerbitan disimpan dan dikemaskini di dalam PRISMA. Laporan penerbitan kemudiannya dihantar ke Bahagian Transformasi Universiti (BTU) pada setiap bulan untuk dinilai. Aliran proses untuk menilai pencapaian prestasi penyelidikan ditunjukkan di dalam Rajah 7.

4.2.3 Pengkomersialan

4.2.3.1 Pengeluaran harummanis

Pencapaian prestasi penjualan harum manis di UiTM Cawangan Perlis diukur dan dinilai berdasarkan kepada pemantauan pengeluaran dan penjualan harum manis. Ini mengambil kira tugas utama staf unit ladang di dalam mencapai sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan (Jadual 1). Secara keseluruhannya, pemantauan ini dibuat dari segi bilangan pokok yang ditanam, kualiti hasil yang dituai dan penambahan perluasan ladang tanaman. Selain itu, peningkatan pengeluaran hasil dan keuntungan hasil jualan juga digunakan sebagai pendekatan untuk menilai samaada prestasi penjualan harum manis di UiTM Perlis tercapai atau tidak tercapai.

4.2.3.2 Pertandingan inovasi

Untuk menilai pencapaian prestasi, program peringkat antarabangsa ini telah dianjurkan untuk mempamer dan mempertandingkan rekacipta inovasi dan idea yang dihasilkan. Pencapaian prestasi adalah berdasarkan kepada jumlah penyertaan yang diterima bagi semua kategori, kerjasama pengkomersialan yang dapat dibentuk antara peserta dengan pihak agensi kerajaan/swasta dan penghasilan copyright/pattern bagi melindungi harta intelek yang dicipta.

Kerjasama strategik dgn beberapa universiti luar, universiti dalaman, agensi kerajaan serta swasta turut dijalinkan bagi memastikan kelancaran pertandingan (Rajah 8).

SENARAI BUKTI:

1. [Rajah 1 dan 2.pdf](#)
2. [Rajah 3.pdf](#)
3. [Rajah 4 5 dan 6.pdf](#)
4. [Rajah 7 dan 8.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

DATA-DATA DAN KAEDAH/METODOLOGI YANG DIGUNAKAN

Kriteria pengukuran dan penilaian prestasi geran penyelidikan dan penerbitan adalah berdasarkan kepada data-data yang diberikan oleh staf akademik UiTM Cawangan Perlis. Jadual 1 menunjukkan KPI yang perlu dicapai oleh Unit Pengurusan Penyelidikan dan Unit Pengurusan Penerbitan secara umum.

4.3.1 Pengukuran prestasi penyelidikan

Kriteria pengukuran mengambilkira fungsi utama penyelidik di dalam menyumbangkan geran perolehan yang dipantau bermula dari tarikh geran aktif sehingga tamat. Ianya melihat kepada aspek kemajuan prestasi projek dan prestasi kewangan projek melalui penghantaran laporan kemajuan penyelidikan atau laporan penamatan penyelidikan serta laporan akhir penyelidikan sepanjang tempoh projek yang berstatus aktif. Laporan kemajuan dihantar setiap 3 atau 6 bulan atau tertakluk kepada pembiayaan dana bagi setiap projek yang diluluskan. Rajah 9 adalah perincian setiap PI manakala Rajah 10 adalah sasaran jumlah perolehan.

Geran perolehan baru akan dikemaskini di dalam IRES dan akan dibentangkan di dalam mesyuarat bulanan diantara setiap unit dibawah PJIM&A. Status KPI akan dilaporkan samada mancapai sasaran tercapai atau tidak mencapai. Bagi PI yang tidak mencapai sasaran, amaran akan diberikan dan agihan tahunan berikutnya hanya akan dibuat setelah penerimaan laporan kemajuan dan perbelanjaan yang melebihi/mencapai 60%. Kegagalan penghantaran laporan kemajuan secara berkala juga akan memberi kesan kepada peruntukan seterusnya.

4.3.2 Pengukuran prestasi penerbitan

Penilaian prestasi penerbitan di UiTM Cawangan Perlis mengambilkira 8 kategori PI dan perincian sasaran bagi setiap kategori ditunjukkan di dalam Rajah 11 di bawah.

HI bagi setiap PI yang dicerap daripada SCOPUS digunakan sebagai pengukuran pencapaian prestasi penerbitan di kalangan staf akademik. Proses pengumpulan dan analisa data HI bagi penerbitan yang didaftarkan di bawah PRISMA dilakukan pada setiap tahun dan akan dinilai oleh coordinator PRISMA bagi tujuan analisa tahunan. Hasil analisa ini dibentangkan kepada staf akademik semasa mesyuarat akademik untuk cadangan penambahbaikan berterusan. Unit penerbitan akan mengkaji semula langkah yang perlu diambil dan seterusnya berusaha kearah pencapaian sasaran PI.

Sehubungan dengan itu, beberapa insentif disediakan bagi menggalakkan aktiviti penerbitan (Jadual 2). Unit Penerbitan juga menggunakan kriteria MyRA untuk menilai insentif tersebut. Melalui insentif ini pencapaian penerbitan dikalangan penyelidik UiTM Cawangan Perlis dapat dinilai secara tidak langsung. Ini menunjukkan bahawa pencapaian aktiviti penerbitan di UiTM Cawangan Perlis boleh dibanggakan dan mampu untuk berdaya saing diperingkat yang lebih tinggi.

4.3.3 Pengukuran prestasi penjualan harum manis

Kriteria pengukuran pencapaian prestasi penjualan harum manis adalah berdasarkan kepada data-data pengeluaran dan penjualan yang telah direkodkan. Hasil tuaian buah direkodkan pada setiap hari dan dikelaskan mengikut kategori kualiti buah tersebut samada elok atau rosak (Jadual 4). Hanya buah elok sahaja akan diproses untuk dijual. Hasil jualan setiap hari juga direkodkan dan laporan disediakan untuk dihantar ke bahagian kewangan untuk dianalisa dari segi prestasi ladang harum manis secara keseluruhan (Jadual 5). Hasil analisa digunakan untuk mengenalpasti penambahbaikan yang diperlukan untuk meningkatkan hasil jualan.

4.3.4 Pengukuran prestasi pertandingan inovasi

Untuk menilai pencapaian prestasi, program peringkat antarabangsa ini mempamer dan mempertandingkan rekacipta inovasi dan idea yang dihasilkan. Pencapaian prestasi adalah berdasarkan kepada jumlah penyertaan yang diterima bagi semua kategori, kerjasama

pengkementerian yang dapat diberikan antara peserta dengan pihak agensi kerajaan swasta dan penghasilan copyright/pattern bagi melindungi harta intelek yang dicipta (Jadual 6).

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 1.pdf](#)
2. [Rajah 9.pdf](#)
3. [Rajah 10.pdf](#)
4. [Rajah 11.pdf](#)
5. [Jadual 2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

4.4.1 Pemantauan

Penganalisan data dapat mengenalpasti beberapa risiko dan penambahbaikan prestasi UiTM Cawangan Perlis.

4.4.1.1. Penyelidikan

Pada tahun 2020, para penyelidik UiTM Cawangan Perlis telah menghantar sebanyak 87 permohonan geran berbanding dua tahun sebelumnya iaitu sebanyak 40 permohonan pada 2018 dan 45 permohonan pada 2019 (Rajah 12). Peningkatan permohonan geran adalah selari dengan kadar penerimaan geran penyelidikan iaitu 27 geran dengan peningkatan sebanyak 300% berbanding tahun 2018 hanya 9 geran sahaja yang diterima. Sekaligus ini melonjakkan prestasi UiTM Cawangan Perlis di antara kampus UiTM SeMalaysia pada tahun 2020 di tangga ke-3 dalam jumlah amaun penerimaan geran kebangsaan dan tempat ke-4 dalam jumlah penerimaan geran industri (Rajah 13).

4.4.1.2 Penerbitan

Sepanjang 3 tahun penilaian, para penyelidik UiTM Cawangan Perlis secara konsisten menghasilkan penerbitan melebihi 100 jurnal (Rajah 14). Penghasilan jurnal MyCite adalah konsisten antara julat 26 hingga 35 jurnal setahun. Manakala, bilangan penghasilan jurnal tidak berindeks telah menurun dengan mendadak dari 58 jurnal pada tahun 2018 kepada 25 jurnal pada tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 57%. Ini disebabkan oleh peralihan tumpuan para penyelidik untuk menghasilkan jurnal berindeks. Oleh itu, jurnal berindeks Scopus/WoS telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu peningkatan sebanyak 152%. Ini adalah indikator peningkatan kualiti penyelidikan dan daya saing para penyelidik sehingga mampu menerbitkan jurnal berindeks Scopus/WoS.

4.4.1.3 Pengkomersialan

Pada tahun 2020, UiTM Cawangan Perlis mengorak langkah dengan mempertandingkan 64 produk inovasi dari penyelidik iaitu peningkatan sebanyak 600% dari tahun 2018. Hasil dari pertandingan pada tahun 2020, sebanyak 30% dari pingat yang diterima adalah pingat emas, iaitu peningkatan hampir sekali ganda berbanding pada tahun 2018 (Rajah 15).

Hasil daripada penganjuran persidangan i-IDEA, UiTM Cawangan Perlis berjaya menjana keuntungan sebanyak RM99,984.56 pada tahun 2018 dan RM83,896.80 pada tahun 2020 (Jadual 3). Berdepan dengan situasi pandemik pada tahun 2020, persidangan masih berjaya dilaksanakan dengan keuntungan yang tinggi walaupun persidangan dilaksanakan secara atas talian.

Pemasaran hasil penanaman harumanis adalah tonggak penjana pendapatan UiTM Cawangan Perlis dengan jumlah RM756,832 untuk tempoh 2018 hingga 2020 (Jadual 4). Meskipun berdepan situasi pandemic pada tahun 2020, harumanis masih berjaya dipasarkan di serata Semenanjung Malaysia.

SENARAI BUKTI:

1. [Rajah12 dan 13.pdf](#)
2. [Rajah 14.pdf](#)
3. [Rajah 15.pdf](#)
4. [Jadual 3.pdf](#)
5. [Jadual 4.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

4.4.2 Kenal pasti Risiko

Hasil dari pemantauan rekod penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, beberapa risiko telah dikenalpasti. Perincian analisa risiko setiap bidang tumpuan adalah seperti berikut:

4.4.2.1 Penyelidikan

- i. Pengurangan peruntukan dana penyelidikan kebangsaan dan juga peruntukan universiti
- ii. Kegagalan mendapatkan geran disebabkan kertas cadangan yang kurang berkualiti
- iii. Penglibatan pensyarah yang kurang motivasi dalam menjalankan penyelidikan (Rajah 16)
- iv. Kekangan menyediakan kertas cadangan atas kesuntukan masa disebabkan tempoh permohonan dan bebanan tugas pengajaran

4.4.2.2 Penerbitan

- i. Penjebakkan dalam kancah penerbitan predatory
- ii. Proses penerbitan yang memerlukan tempoh yang lama
- iii. Kos penerbitan yang tinggi bagi menerbitkan jurnal berimpak tinggi
- iv. Penglibatan pensyarah yang kurang minat dalam melibatkan diri dalam penulisan
- v. Tempoh penulisan yang diperlukan juga bertambah mengikut tahap impak jurnal
- vi. Lambakan tesis pelajar sarjana muda yang tidak diterbitkan ke dalam jurnal

4.4.2.3 Pengkomersialan

- i. Saingan mendapatkan geran inovasi dan kesinambungan penyelidikan
- ii. Galakkan menjadikan hasil penyelidikan sebagai hasil inovasi
- iii. Kawalan terhadap kualiti buah harumanis
- iv. Strategi pemasaran harumanis

SENARAI BUKTI :

1. [Rajah 16.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

4.4.3 Mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan

Penambahbaikan bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan adalah saling berkaitan. Oleh itu, tindakan sesuatu penambahbaikan boleh dijadikan serampang tiga mata dalam menangani risiko seperti program outreach yang tertumpu kepada pusat pengajian atau fakulti. (Rajah 17)

Berikut adalah senarai tindakan penambahbaikan mengikut bidang tumpuan:

4.4.3.1 Penyelidikan

- i. Tumpuan kepada penyelidikan industri dan antarabangsa serta kepimpinan UiTM Cawangan Perlis memberikan keutamaan dalam memperuntukan dana penyelidikan
- ii. Bengkel mengharmonikan kertas cadangan penyelidikan serta penglibatan RIG
- iii. Penetapan KPI serta galakan permohonan penyelidikan
- iv. Merancang bengkel penyediaan kertas cadangan secara berkala selari dengan tempoh permohonan dan jadual pengajaran pensyarah (Rajah 18)

4.4.3.2 Penerbitan

- i. Penyenaian penerbit predatory dan diwarwarkan kepada pensyarah
- ii. Bengkel untuk mengenal pasti penerbit yang bersesuaian dengan tempoh pemprosesan dan kualiti jurnal (Rajah 19)
- iii. Pengenalan imbuhan atau intesif kepada penulis yang berjaya menerbitkan jurnal
- iv. Penubuhan RIG bagi menanam minat pensyarah dan memupuk kerjasama dalam penulisan jurnal
- v. Bengkel bagi strategi dan pemantapan penulisan jurnal
- vi. Bengkel bagi menukarkan tesis kepada jurnal dan pemilihan jurnal yang bersesuaian

SENARAI BUKTI :

1. [Rajah 17.pdf](#)
2. [Rajah 18.pdf](#)
3. [Rajah 19.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui Penganalisaan data, beberapa risiko telah dikenalpasti dan seterusnya tindakan penambahbaikan berterusan dan inovasi telah dilaksanakan melalui cadangan dasar, program dan insentif. Hasil inovasi atau penambahbaikan terhadap KPI didapati telah berhasil meningkatkan prestasi 3 bidang tumpuan utama iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan pengkomersialan melalui pelaksanaan pelbagai program. Jadual 5 menunjukkan perincian risiko, inovasi dan program yang telah dilaksanakan di UiTM Cawangan Perlis. Rajah 20 menunjukkan dasar dan insentif bagi menggalakkan penyelidikan. Bengkel dan program sokongan penyelidikan yang telah dijalankan adalah seperti dalam Rajah 21 manakala Rajah 22 adalah poster penjualan harumanis secara atas talian bagi meningkatkan hasil penjualan.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 5.pdf](#)
2. [Rajah 20.pdf](#)
3. [Rajah 21.pdf](#)
4. [Rajah 22.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia adalah antara aspek terpenting dalam mengendalikan sesuatu organisasi. Pengurusan dan pembangunan sumber manusia untuk penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ini adalah berteraskan Model Hala Tuju UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) 2020. Empat daripada lima agenda utama yang ditetapkan di dalam model ini berkait rapat dengan bidang tumpuan AKNC UiTMPs iaitu pemantapan MyRA, Kampus Tersohor, penjana pendapatan dan kecekapan tadbir urus. Pembangunan model ini turut mengambil kira risiko-risiko yang mungkin akan dihadapi oleh kakitangan UiTMPs di dalam bidang tumpuan. Setiap ahli UiTMPs termasuk pelajar memainkan peranan penting demi mencapai matlamat yang ditetapkan dalam setiap agenda ini.

Terdapat tiga komponen utama sumber manusia yang penting untuk menjayakan bidang tumpuan. Komponen utama ialah staf akademik. Langkah pengurusan pertama ialah meningkatkan jumlah staf berkecayaan PhD dengan cara lantikan baru atau galakan sambung belajar. Pada masa yang sama, kepakaran staf akademik, sokongan dan pentadbiran sedia ada ditingkatkan dengan pelbagai inisiatif seperti penganjuran bengkel latihan dan lantikan staf-staf yang berkecayaan atau berpengalaman di unit-unit PJIMA. Pelbagai insentif dan langkah turut disediakan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan staf di dalam bidang tumpuan. Kemahiran pelajar pascasiswazah yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan dan penerbitan turut diberikan perhatian. Unit Ladang merupakan tumpuan utama dalam pengkomersialan dan penjana pendapatan. Bagi meringankan beban staf sokongan di Unit Ladang, pihak pengurusan UiTMPs telah mengambil langkah proaktif dengan melantik pekerja kontrak yang memberi kesan positif terhadap penjana pendapatan UiTMPs dan masyarakat setempat. Pelajar latihan industri turut dijadikan komponen tambahan sumber manusia tenaga untuk pengurusan ladang.

Bagi mengoptimumkan kepakaran sumber manusia, staf akademik amat digalakkan menyertai kumpulan penyelidik. Sesi perkongsian kepakaran, pemurnian geran dan lain-lain sesi sering diadakan untuk membantu staf akademik dalam permohonan geran, penerbitan artikel dan sebagainya. Perjumpaan bersama pihak pengurusan UiTMPs dan PJIMA juga diadakan, terutamanya melibatkan staf baharu, bagi memastikan kesemua tenaga kerja peka akan matlamat UiTMPs dan bersama-sama menjayakan Model Hala Tuju UiTMPs 2020.

Antara risiko-risiko berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia ialah permasalahan berkaitan pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, kegagalan dalam penyelidikan dan penerbitan yang memberi kesan terhadap pengurusan dan perolehan geran. Risiko-risiko ini berkemungkinan berpunca daripada masalah fasiliti, masalah peribadi dan kekangan kewangan akibat pengurusan geran yang tidak efisien.

Hasil semakan mendapati terdapat aduan maklumbalas adalah amat minima dan telah diselesaikan dalam tempoh yang bersesuaian. Jumlah aduan fasiliti juga menunjukkan pengurangan disebabkan pembaikan dan penambahan fasiliti sedia ada di UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs). Keputusan Happiness Index UiTMPs dijadikan kayu ukur untuk menentukan kepuasan hati staf UiTMPs dan menunjukkan peningkatan sebanyak 10%. Pendekatan santai semasa bekerja dan pelbagai aktiviti turut diadakan untuk mengurangkan tekanan kerja dan mengeratkan lagi hubungan sesama staf, alumni dan masyarakat. UiTMPs memandangkan berat masalah perolehan geran KPT pada tahun 2020. Untuk mengelakkan insiden yang sama berulang, UiTMPs telah merancang dan berjaya menubuhkan dua unit baharu di dalam PJIMA yang akan membantu penyelidik dalam perolehan dan pemantauan geran.

UiTM Cawangan Perlis amat menghargai usaha kesemua sumber manusia dalam mencapai matlamat Model Hala Tuju UiTMPs 2020. Staf-staf sentiasa diraikan secara rasminya pada Hari Inovasi dan Majlis Penghargaan Staf UiTM Cawangan Perlis dan hari Anugerah Semarak Sanjung 2020.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) memberi penekanan kepada tiga komponen utama dalam pengurusan sumber manusia untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan bagi mencapai sasaran Model Hala Tuju Strategik UiTM Cawangan Perlis 2020.

- Komponen utama sumber manusia ialah staf akademik dimana tumpuan diberikan untuk meningkatkan jumlah staf akademik berkelulusan Doktor Falsafah (PhD). Bukti 1a menunjukkan peningkatan konsisten jumlah staf berkeelayakan PhD disamping penurunan jumlah staf berkeelayakan Sarjana hasil daripada galakan untuk menyambung pelajaran. Staf berkelulusan PhD dijadikan tumpuan utama berasaskan dua faktor kritikal: i) pengalaman dalam menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan ii) peluang kolaborasi dengan institusi tempatan atau antarabangsa yang menyumbang kepada peningkatan beberapa prestasi seperti jumlah penerbitan berindeks dan perolehan geran (Bukti 1e dan 1f). Untuk menggalakkan penglibatan dan meningkatkan prestasi dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan seperti penganjuran pelbagai jenis latihan dan bengkel untuk memastikan kejayaan dalam perolehan geran dan penerbitan. Bukti 1d menunjukkan peningkatan penganjuran bengkel/latihan kecuali penganjuran bengkel penyelidikan tahun 2020 kerana kebanyakan bengkel bersifat “hands-on” tidak dilaksanakan kerana pandemik. Selain membantu dalam permohonan geran nasional dan antarabangsa, Dana Pembudayaan Penyelidikan Dalam telah diperkenalkan untuk meransang penglibatan pensyarah baru dalam penyelidikan (Bukti 1g). Beberapa insentif seperti MyMerit, MyIncentive dan lain-lain turut diperkenalkan (Bukti 1h). UiTMPs telah mengenal pasti masalah kesuntukan masa disebabkan pertindihan tempoh permohonan geran dengan tugas hakiki pensyarah dan telah menubuhkan “Bank Proposal” untuk memudahkan proses pemurnian dan permohonan geran (Bukti 2).
- Komponen kedua ialah staf sokongan dan pentadbiran. Staf pentadbiran memainkan peranan penting dalam membantu penyidik memohon dan memantau pengurusan penyelidikan dan perbelanjaan geran manakala staf sokongan membantu pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan. Terdapat sedikit perubahan dari segi bilangan staf (Bukti 3a) namun tidak memberi impak negatif kerana beberapa staf telah menerima kenaikan pangkat yang meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran (Bukti 3b) dan pelbagai kursus dan latihan telah dijalankan untuk menambah kompetensi staf sokongan dan pentadbiran (Bukti 1e).
- UiTMPs juga mengenalpasti pelajar pascasiswazah sebagai komponen ketiga yang menyumbang secara langsung kepada penyelidikan dan penerbitan (Bukti 3c). UiTMPs menunjukkan trend enrolmen yang positif walaupun terdapat sedikit pengurangan pada tahun 2020 kerana kekurangan perolehan geran KPT oleh UiTM secara menyeluruh. Selain daripada 3 komponen utama ini, UiTMPs juga telah melantik pekerja kontrak dan menerima pelajar latihan industri untuk membantu pihak unit ladang menjaga dan memasarkan Harumanis dan lain-lain produk ladang (Bukti 3d dan 3e).
- Dari sudut inovasi dan pengkomersialan, UiTMPs telah menganjurkan beberapa platform secara dalaman atau dengan kerjasama institusi luar seperti SIC, i-IDEA, imit-SIC dan lain-lain untuk mengetengahkan idea dan produk inovatif yang dihasilkan oleh staf dan pelajar UiTMPs (Bukti 4). Mangga Harumanis ialah sinonim dengan negeri Perlis dan pelbagai usaha telah dirancang dan sedang giat dijalankan oleh semua staf yang terlibat supaya UiTMPs menjadi pelopor dan terkenal sebagai “Kampus Harumanis”. UiTMPs juga sedang membangunkan Pusat Penyelidikan Marin yang akan menyumbang kepada penerbitan dan pemasaran produk matrikultur seperti rumpai laut dan lain-lain (Bukti 2).

Kaedah pengurusan yang efektif berjaya memastikan kesemua komponen sumber manusia bergerak seiring dan menunjukkan impak positif.

SENARAI BUKTI:

1. [5.2 bukti 1.pdf](#)
2. [5.2 bukti 2 RINGKASAN INISIATIF PELAN PERANCANGAN STRATEGIK 2020 UITM PERLIS.pdf](#)
3. [5.2 bukti 3 dan minit mesy bajet pekerja kontrak.pdf](#)
4. [5.2 bukti 4.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi merealisasikan matlamat kampus cawangan kearah penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, pembangunan sumber manusia adalah amat penting. Hal ini amat dititikberatkan oleh pihak pengurusan bagi memastikan bakat dan prestasi penyelidik serta staf sokongan tidak berada di satu tahap yang sama tetapi terus berkembang dan berdaya saing pada peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Beberapa kriteria dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia telah dititikberatkan.

1. Kelayakan professional

UiTMPs menggalakan bagi mana-mana penyelidik atau pensyarah yang mempunyai kepakaran tertentu menganggotai badan-badan professional seperti “Malaysian Board of Technologist” (MBOT), Institut Kimia Malaysia, dan sebagainya. Peningkatan penganggotaan badan professional ini boleh dilihat pada Jadual 1.

2. Penubuhan RIG

UiTMPs menggalakan penubuhan Research Interest Group (RIG) yang disertai kumpulan pensyarah dalam bekerjasama menjalankan penyelidikan mengikut minat kumpulan tersebut. Penubuhan RIG ini akan memacu lebih banyak dan lebih berkualiti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Setakat tahun 2020 sebanyak 43 RIG baru ditubuhkan. Senarai kumpulan RIG boleh dilihat pada Jadual 2.

3. Penjanaan Pendapatan

Staf akademik yang berpengalaman dapat menjadi konsultan kepada industri luar dalam bidang R&D. Staf akademik diberi pendedahan seperti bengkel penulisan kertas kerja bagi memohon geran penyelidikan dalaman UiTM, nasional dan juga antarabangsa. Jadual 3a menunjukkan pecahan dan jumlah geran yang diperolehi oleh UiTMPs.

4. Panel Penilai

Staf yang berpengalaman dijemput untuk menjadi panel penilai bagi konferen anjuran UiTMPs. Staf diberi peluang untuk menjadi penilai sesi Viva pelajar sarjana, master dan juga PhD. Pendedahan kepada staf yang berpengalaman untuk menjadi panel penilai geran penyelidikan dalaman UiTM dan juga nasional.

5. Penceramah Jemputan

Staf akademik yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan dibenarkan menjadi penceramah jemputan di konferen dalam dan juga luar negara.

6. Jalinan Industri

Penyelidik UiTMPs diberikan ruang sepenuhnya untuk menjalinkan usaha sama R&D dengan pihak pemain Industri. Selain itu, pihak UiTMPs juga telah berjaya menandatangani memorandum persefahaman dan perjanjian dengan pihak industri. Jadual 4a menunjukkan jumlah MoA/Mou mengikut pecahan masing-masing.

7. Sesi Perkongsian

UiTMPs juga telah menganjurkan pelbagai jenis sesi perkongsian melibatkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dari staf akademik kampus yang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang tersebut. Lampiran 1 merupakan minit mesyuarat yang terdapat pengesahan aktiviti yang telah dijalankan dan perancangan UiTMPs dalam menganjurkan pelbagai jenis sesi perkongsian ini.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 1.pdf](#)
2. [Jadual 2.pdf](#)
3. [Jadual 3a.pdf](#)
4. [Jadual 4a.pdf](#)
5. [Lampiran 1.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

TAHAP KEPUASAN HATI DAN ADUAN

Tahap kepuasan hati pelanggan diukur melalui laporan Analisa Maklumbalas Pelanggan (AMP) yang dilaksanakan secara berkala iaitu 2 kali setahun. Melalui analisa ini, didapati bahawa setiap aduan yang dikemukakan akan diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, laporan Aduan Maklumbalas UiTM Cawangan Perlis adalah seperti di jadual 1.

Aduan yang dikemukakan adalah melalui sistem e-Aduan dan Borang AMP yang disediakan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Walau bagaimanapun, terdapat juga aduan yang disiarkan di akhbar dan dikemukakan ke Biro Pengaduan Awam (rujuk lampiran 1).

Tindakan penambahbaikan dan pembetulan dilaksanakan setelah menerima aduan berkenaan.

Aduan berkenaan fasiliti dan kemudahan di UiTM Cawangan Perlis juga diambilkira dalam mengukur tahap kepuasan hati pelanggan. Melalui laporan yang dikemukakan, jumlah aduan fasiliti dan kemudahan menunjukkan penurunan yang agak ketara.

Secara keseluruhannya, laporan aduan fasiliti dan kemudahan UiTM Cawangan Perlis adalah seperti jadual 2.

Penurunan peratusan aduan ini adalah disebabkan pembaikan dan penambahan fasiliti sedia ada di UiTM Cawangan Perlis. Setiap aduan yang dikemukakan akan direkod dan dipastikan tindakan diambil dengan baik.

Selain itu, Happiness Index staf UiTM Cawangan Perlis juga diambilkira dalam pengukuran kepuasan hati pelanggan seperti jadual 3.

Secara keseluruhannya, Indeks Kegembiraan UiTM ini dijalankan di semua kampus UiTM. Peratusan Indeks Kegembiraan UiTM Cawangan Perlis menunjukkan peningkatan ketara di antara 2018 dan 2020. Peningkatan sebanyak 10% direkodkan dari 2018 ke 2020. Indeks Kegembiraan UiTM ini menilai beberapa aspek kegembiraan staf mengikut konsep PERMAI seperti bukti 2.

Kejayaan sesebuah organisasi dipacu dengan sokongan padu semua warganya. Oleh yang demikian, UiTM Cawangan Perlis sentiasa memastikan semua staf mempunyai ideks kebahagiaan yang baik dan mendorong semua staf untuk menjalankan tugas seharian dengan baik sekaligus membantu dalam pencapaian sasaran utama kampus.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1.pdf](#)
2. [Bukti 2 Indeks Kegembiraan UiTM berdasarkan Konsep PERMAI.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dan implikasinya terhadap kemampuan melaksanakan fungsi dan objektif organisasi telah menjadi isu utama yang diberi penekanan dalam pengurusan sumber manusia di UiTMPs. Pengurusan risiko tidak terhad kepada penyelarasan aktiviti bagi mengurangkan berlaku kerugian semata-mata, malah melibatkan aktiviti penyelasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi organisasi termasuk aktiviti pembangunan dan peningkatan pembudayaan profesionalisma di kalangan staf UiTMPs.

Beberapa risiko telah dikenalpasti boleh menyebabkan gangguan dalam pencapaian UiTMPs dan perancangan dalam mengatasi risiko tersebut telah dirangka seperti di jadual 1.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 3 Risiko.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi merealisasikan matlamat UiTMPs dalam melahirkan lebih ramai penyelidik, pembangunan sumber manusia adalah amat penting. Pihak pengurusan menitikberatkan perkara ini bagi memastikan bakat-bakat dari staf akademik mahupun pentadbiran, berada di satu tahap yang boleh dibanggakan. Untuk terus berkembang dan berdaya saing, pihak UiTMPs perlu sentiasa melakukan tindakan penambahbaikan berterusan.

Antara langkah yang diambil adalah :

1. Melalui kedudukan perjawatan staf, UiTMPs meletakkan staf yang berkebolehan dan sesuai dengan jawatan. Sebagai contoh, Pegawai Eksekutif Kanan (N32) ditempatkan di PJIMA bagi mengembangkan peranan staf pentadbiran kumpulan pelaksana dan menjadi sebahagian tulang belakang peranan utama PJIMA. Ini dapat mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia dalam memastikan PJIMA sentiasa terkehadapan dalam melahirkan penyelidikan berimpak tinggi.
2. Latihan diberikan kepada staf dalam memastikan staf sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan-pengetahuan terkini berkaitan proses kerja hakiki mereka. Latihan yang diperlukan akan dikendalikan oleh pihak ILD dan juga latihan yang dianjurkan secara dalaman.
3. Pihak PJIMA telah mewujudkan Unit Pengurusan Inovasi & Kepakaran (UPIK) dan Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan untuk memantau perjalanan penyelidikan oleh pensyarah yang berkenaan. Pemantuan penting bagi memastikan penyelidikan dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

TINDAKAN KEPADA MAKLUMBALAS SUMBER MANUSIA

Bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif dapat disediakan kepada staf, segala aduan yang diterima berkaitan UiTMPs perlulah diambil tindakan. Aduan-aduan ini akan dapat menambahbaik proses kerja mahupun prasarana terlibat dengan memastikan tindakan pembetulan diambil segera.

Indeks Kegembiraan staf perlu diambil serius dalam memastikan staf berada dalam keadaan terbaik untuk bekerja. Bagi memastikan peningkatan tahap dan kualiti penyelidikan dan penerbitan di kalangan staf, pelbagai cara perlu diambil kira.

UiTMPs mengenalpasti segala infrastruktur supaya sentiasa dalam keadaan terbaik untuk kegunaan staf mahupun pelajar. UiTMPs juga menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk sebarang perancangan pembelian baharu mahupun untuk menaiktaraf kemudahan sedia ada.

SENARAI BUKTI :

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Inovasi: Situasi pandemik telah menyebabkan banyak kesukaran dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

- Memandangkan latihan adalah komponen penting dalam pembangunan sumber manusia, antara inovasi yang dijalankan ialah menjalankan bengkel, latihan dan seminar secara maya.
- UiTMPs juga berjaya meneruskan program inovasi dengan menganjurkan simposium SIC edisi COVID pada tahun 2020 dan penyertaan dalam edisi khas ini kemudian telah berjaya memenangi anugerah inovasi peringkat nasional (Bukti 1).
- UiTMPs juga berjaya menganjurkan konferensi internasional secara maya yang pertama melibatkan peserta dari dalam dan luar negara (Bukti 1).
- PJIMA telah mewujudkan satu majlis khas pada tahun 2020 untuk menghargai usaha staf UiTMPs (Bukti 2)
- Bagi mengelakkan masalah perolehan geran KPT tahun 2020 berulang, UiTMPs telah merancang dan berjaya menubuhkan dua unit baru pada awal tahun ini untuk meningkatkan permohonan geran dan memantau pengurusan dan perkembangan geran penyelidikan (Bukti 3)

Penghargaan: Bagi menghargai usaha dan meraikan kejayaan staf UiTMPs, pihak pengurusan menganjurkan Hari Inovasi dan Majlis Penghargaan Staf UiTM Cawangan Perlis pada setiap tahun (kecuali tahun 2020). Penghargaan diberikan kepada staf yang bersara dan juga meraikan staf yang telah lama berkhidmat (20, 25 dan 30 tahun). Pada sambutan ini, pencapaian dalam bidang penyelidikan dan penerbitan disambut dengan penganugerahan Penyelidik Terbaik, Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan. Staf yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang turut diraikan pada sambutan ini (bukti 4 dan 5). Pada tahun 2020, PJIMA telah menganjurkan hari Anugerah Semarak Sanjung 2020 yang merupakan sambutan khusus untuk pencapaian dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi, jalinan industri dan kemasyarakatan. Anugerah-anugerah yang diberikan ialah seperti dalam bukti 2. Di samping majlis-majlis ini, pihak PJIMA sentiasa mewartakan kejayaan staf UiTMPs di media sosial (Facebook, WhatsApp) dan emel sebagai pendorong dan pemberi semangat kepada semua staf untuk lebih berjaya.

SENARAI BUKTI :

1. [5.5 bukti 1 SIC Covid dan International Webinar.pdf](#)
2. [5.5 Bukti 2 Minit mesyuarat dan penerima Anugerah Semarak Sanjung.pdf](#)
3. [CARTA ORGANISASI UNIT BARU.pdf](#)
4. [Hari inovasi 2018.pdf](#)
5. [Hari inovasi 2019.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi meneruskan kesinambungan kriteria kepimpinan, perancangan strategik tumpuan pelanggan, pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan juga sumber manusia, UiTM Cawangan Perlis turut memberi tumpuan kepada bahagian operasi bagi meintegrasikan proses pengurusan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan.

Secara asasnya, proses operasi sesuatu program yang dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Perlis telah memfokuskan kepada skop “Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan” iaitu bidang tumpuan yang telah dipilih untuk AKNC 2021. Dengan adanya proses kerja yang berkualiti, ianya dapat memberi manfaat kepada warga kampus sebagai lambang kejayaan dalam penyelidikan dan penerbitan dan pengkomersilan. Oleh itu, UiTM Cawangan Perlis sentiasa memastikan operasi dirancang dengan baik agar pelaksanaan secara berkala dan berterusan dibuat bagi memastikan keberkesanan fokus operasi penyelidikan dan penerbitan dan pengkomersilan meningkatkan kualiti, mutu kerja dan pencapaian warga kampus.

Agenda utama dan Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis bagi tahun 2020 adalah Pemantapan MyRA merangkumi penyelidikan, penerbitan, IPR, inovasi, dan kolaborasi dan jaringan. Antara objektif bagi pelaksanaan ini adalah untuk menggalak dan membudayakan penyelidikan kepada UiTM Cawangan Perlis, menjalankan program, bengkel dan seminar berkaitan penyelidikan, perundingan, inovasi, penerbitan, keusahawanan dan membantu pihak-pihak berkepentingan di dalam UiTM Cawangan Perlis dalam menjalinkan hubungan dengan pihak industri dan masyarakat.

Selaras dengan Misi UiTM; semua staf akademik wajib menjalankan penyelidikan dan aktiviti keserjanaan di samping menerbitkan hasil penyelidikan mereka atau mempatenkannya. Ini memberi petunjuk pentingnya membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi di kalangan staf akademik untuk mencapai prestasi setanding atau mengatasi universiti-universiti terunggul secara global. Ia juga dapat menyumbang penyelesaian kepada permasalahan kemanusiaan dan persekitaran di dalam dan di luar negara.

Secara ringkasnya kriteria operasi dibagikan kepada beberapa bahagian utama termasuk pendekatan (approach), perluasan (deployment), pembelajaran dan juga integrasi (integration) dan beberapa sub-bahagian iaitu Pemantauan (Check), Kenal Pasti Risiko (Act), Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan (Act).

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

6.2.1 Penyelidikan

UiTM Cawangan Perlis telah melaksanakan pelbagai dasar, program dan insentif untuk meningkatkan pencapaian penyelidikan melalui proses penambahbaikan prestasi (Rujuk Rajah 6.2). Melalui proses ini, semua maklumat berkaitan penyelidikan di berikan kepada unit pengurusan penyelidikan UiTM Cawangan Perlis. Data akan dikumpulkan dengan menggunakan sistem IRES bagi memudahkan unit pengurusan untuk memantau, menganalisa dan menilai prestasi dan juga merangka pelan penambahbaikan.

Dalam meningkatkan pencapaian penyelidikan bagi staf akademik UiTM Cawangan Perlis, beberapa inisiatif strategik telah di laksanakan. Jadual 6.2.1 menunjukkan inisiatif strategik yang telah digariskan selaras dengan matlamat mencapai kecemerlangan dan memantapkan pencapaian staf akademik UiTM Cawangan Perlis secara keseluruhan. Antara inisiatif yang telah di ditetapkan adalah meningkatkan jumlah permohonan dan penerimaan geran penyelidikan. Melalui inisiatif ini, strategi telah di ambil dengan mewajibkan kesemua staf akademik UiTM Cawangan Perlis yang mempunyai PhD dan belum lagi mengetuai mana-mana geran penyelidikan untuk memohon geran penyelidikan. Selain itu, strategi dengan memberi insentif MyMerit juga di berikan kepada staf akademik UiTM Cawangan Perlis yang memohon geran. Antara strategi lain adalah menggalakkan kolaborasi penyelidikan dengan universiti dan industri dalam dan luar negara. Sehubungan dengan itu, beberapa pendekatan bagi penambahbaikan dalam meningkatkan pencapaian penyelidikan telah dijalankan antaranya ialah menganjurkan bengkel penulisan geran terutama para pensyarah yang baru berkhidmat dan juga sentiasa menjadikan prestasi pada tahun lepas sebagai benchmarck bagi pelaksanaan unjuran pencapaian pada masa hadapan.

6.2.2 Penerbitan

Bagi mencapai objektif UiTM Cawangan Perlis iaitu memastikan setiap staf akademik menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan ilmiah/kreatif setiap tahun, tujuh kategori penerbitan telah ditetapkan iaitu penerbitan jurnal, seminar, buku penyelidikan, buku, bab buku/penyelidikan, umum dan kerja kreatif. Rajah 6.2.2 aliran proses penambahbaikan prestasi penerbitan. Melalui proses ini, semua maklumat berkaitan penerbitan disimpan dan dikemaskini di dalam Publication Repository Information System Management (PRISMA). Laporan penerbitan kemudiannya dihantar ke Bahagian Transformasi Universiti (BTU) pada setiap bulan untuk dinilai.

Justeru, inisiatif dan strategi telah dilaksanakan bagi mencapai prestasi penerbitan dan meningkatkan bilangan penerbitan berindeks dan sitasi (Rujuk Jadual 6.2.2). Beberapa strategi telah dilaksanakan iaitu memberi insentif *High impact publication*; Q1 sebanyak RM400 dan Q2 sebanyak RM200, mengadakan bengkel penerbitan artikel berimpak dan bengkel penulisan, meningkatkan tabung Latihan untuk staf akademik menyertai konferen (SCOPUS/WoS) dan perkasa pelaksanaan *undergraduate exhibition*. Dengan adanya inisiatif dan strategi ini dapat meningkatkan skor MyRA dan seterusnya dapat meningkatkan kepakaran staf akademik seperti perlantikan sebagai penyunting jurnal, pemeriksa luar, panel pakar dan perunding.

6.2.3 Pengkomersialan

Berdasarkan hala tuju strategik UiTM Cawangan Perlis 2020, bidang pengkomersialan berada di bawah agenda kampus tersohor, kebolehpasaran graduan dan penjanaan pendapatan. Bagi mencapai agenda pengkomersialan, UiTM Cawangan Perlis meningkatkan jumlah penjualan harumanis dan inovasi. Ini dapat menjana pendapatan UiTM Cawangan Perlis sendiri dan meningkatkan profil UiTM Cawangan Perlis melalui penglibatan staf dengan industri dan institusi luar. Jadual 6.2.3 menunjukkan inisiatif dan strategi yang telah dilaksanakan. Bagi meningkatkan penyertaan inovasi, beberapa strategi dijalankan antaranya melalui program MTE/ITEX/PECIPTA dan juga memberi insentif MyInovasi. Dengan adanya strategi ini telah menghasilkan 11 pingat emas pada tahun 2020. Selain itu, UiTM Cawangan Perlis juga

mentokuskan peningkatan jumlah IPR melalui LetsRegIPR dan sebanyak 23 IPR telah berjaya didaftarkan. Antara inisiatif lain dalam pengkomersialan ialah menaikkan nama UiTM Cawangan Perlis sebagai Kampus Harumanis. Melalui strategi cara penanaman harumanis yang baik dan promosi sepanjang tahun telah meningkatkan jualan harumanis dan seterusnya dapat meningkatkan penjaan pendapatan kampus.

SENARAI BUKTI:

1. [Rajah 6.2.1 dan Rajah 6.2.2.pdf](#)
2. [Jadual 6.2.1.pdf](#)
3. [Jadual 6.2.2.pdf](#)
4. [Jadual 6.2.3.pdf](#)
5. [Pengkomersialan.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bahagian perluasan ini merujuk kepada bagaimana model PDCA yang digunakan oleh UiTM Cawangan Perlis di dalam proses –proses utama. Model PDCA (*Plan, Do, Check, Action*) merupakan satu inovasi terhadap proses kerja yang digunakan sebagai salah satu penambahbaikan pencapaian berterusan dan keberkesanan operasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan yang dirancang dan dilaksanakan. *Plan* merujuk kepada perincian petunjuk prestasi kepada unit yang bertanggungjawab, manakala *Do* ialah merekod dan mengukur pencapaian melalui system seperti iRES, PRISMA, MyRA dan LNPT. *Check* merupakan proses analisa prestasi dan risiko dari laporan yang dijana melalui system dan merancang penambahbaikan. *Act* ialah merujuk kepada melaksanakan aktiviti penambahbaikan bagi tujuan peningkatan proses, perkhidmatan dan prestasi yang merujuk kepada skop penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Aspek Penyelidikan

Bagi aspek Penyelidikan, ianya merujuk kepada memperincikan aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan juga penambahbaikan bagi meningkatkan kerja mutu penyelidikan UiTM Cawangan Perlis.

Aspek Penerbitan

Selain itu, bagi aspek penerbitan ianya tertumpu kepada output yang dihasilkan melalui penyelidikan yang dijalankan oleh para pensyarah dipastikan melalui proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan juga penambahbaikan. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan bilangan jumlah penerbitan oleh para pensyarah di UiTM Cawangan Perlis tertutama yang berimpak tinggi.

Aspek Pengkomersilan

Melalui proses penyelidikan, selain penerbitan output UiTM Cawangan Perlis juga tertumpu kepada usaha mengkomersilkan produk hasil daripada penyelidikan tersebut. Dengan memperhalusi aspek proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan juga penambahbaikan ini juga, usaha mengkomersilkan produk penyelidikan dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien. Langkah ini penting bagi memastikan setiap produk penyelidikan yang berpotensi boleh dipasarkan di dalam negara juga di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [Rajah 6.3.pdf](#)
2. [Pencapaian Disember 2019 UiTM Perlis.pdf](#)
3. [Data Penerbitan 2018-2020.pdf](#)
4. [PI Publication.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bahagian pembelajaran ini merujuk kepada pelaksanaan aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan yang menjurus kepada kelestarian pencapaian. Ketiga – tiga aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan ini turut diberi tumpuan oleh UiTM Cawangan Perlis bagi memastikan setiap perancangan yang dibuat mampu diterjemahkan kepada hasil pencapaian prestasi yang maksima. Ini dilaksanakan dengan;

1. Memantau output berteraskan penyelidikan dengan memastikan para pensyarah memenuhi kritirea minimum dari aspek penerbitan, pengkormersilan permohonan geran dan sebagainya.
2. Menjalankan kutipan data berkenaan output berteraskan penyelidikan melibatkan seluruh fakulti yang terdapat di UiTM Cawangan Perlis.
3. Menyediakan data terkini berkenaan penyelidikan secara berkala bagi melihat sejauh mana pencapaian prestasi yang terkini mengikut Key Perfomance Indicator (KPI) yang dipertanggungjawabkan kepada setiap fakulti.
4. Melantik wakil fakulti yang terdiri dari kalangan para pensyarah untuk menjalankan kutipan dan sentiasa berkomunikasi kepada Ketua Pusat Pengajian berkenaan prestasi terkini.
5. Sentiasa memastikan para pensyarah peka dengan sebarang perubahan dari aspek pencapaian prestasi yang harus dicapai dari masa ke semasa.

SENARAI BUKTI:

1. [Penerbitan_2018-2019-2020.pdf](#)
2. [Data Penerbitan 2018-2020.pdf](#)
3. [Pengkomersialan.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bahagian ini merujuk kepada pengurusan risiko yang dilaksanakan UiTM Cawangan Perlis dalam pengurusan operasi. Ini penting bagi mengenalpasti, menilai, dan mengatur kepentingan risiko (hasil positif atau positif) yang akan dibincangkan dalam kriteria 7 seterusnya. Dengan usaha UiTM Cawangan Perlis mengenalpasti risiko yang timbul, ianya mampu mengurangkan, memantau dan mengawal kemungkinan atau kesan peristiwa yang tidak diingini pada masa hadapan.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Perlis termasuk;

1. Menentukan konteks risiko yang berkait dengan pencapaian dari aspek penyelikan dengan melihat risiko yang bakal terjadi secara komprehensif.
2. Menyemak status semasa berkaitan pencapaian yang telah dicapai dan baki pencapaian yang masih belum tercapai.
3. Mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang timbul sepanjang proses pelaksanaan dijalankan
4. Melaksanakan mesyuarat dalaman bagi mengenalpasti risiko yang wujud secara berkala.
5. Memastikan setiap risiko yang dikenalpasti mempunyai *action plan* dan *task force* bagi memastikan aspek pengurusan risiko dilaksanakan secara menyeluruh, efektif dan efisien.

SENARAI BUKTI :

1. [Pelan Tindakan Strategik 2020.pdf](#)
2. [RINGKASAN INISIATIF PELAN PERANCANGAN STRATEGIK 2020 UITM PERLIS.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bahagian ini memberi tumpuan kepada hasil penganalisan tumpuan operasi kepada aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan untuk tindakan penambahbaikan. Aspek mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan di buat dari aspek penerbitan, penyelidikan, penglibatan dalam program inovasi dan jaringan. Mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan iniatif penerbitan seperti penulisan dan penghasilan jurnal, kertas prosiding, buku penyelidikan dan sebagainya. Sebagai contoh dalam (Dewan Kosmik; Buletin PJIM&A; Program outreach perundingan iaitu MyRA dan PRISMa).

Selain itu, UiTM Cawangan Perlis memberikan insentif MyBook sebagai satu usaha untuk mengalakkan para pensyarah menghasilkan penerbitan buku dengan memberikan insentif untuk setiap buku yang di terbitkan. Untuk penerbitan artikel dalam jurnal, MyImpact_Journal diperkenalkan sebagai satu insentif untuk pensyarah yang berjaya menerbitkan dalam jurnal Q1 dan Q2. Selain penerbitan dalam journal Q1 dan Q2, UiTM Cawangan Perlis juga menggalakkan lagi para pensyarah untuk menulis dan menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks seperti Scopus, ERA dan WOS yang melauai program MyIndexed_Journal. Usaha ini dilakukan untuk memberi motivasi dan galakan kepada para pensyarah dalam menghasilkan artikel yang berkualiti.

Penyelidikan juga merupakan satu aspek penting yang memerlukan usaha penambahbaikan dilaksanakan. Para pensyarah digalakan untuk terlibat dalam permohonan geran penyelidikan (geran dalaman, geran nasional, geran antarabangsa, geran industri). Penerimaan geran penyelidikan (geran dalaman, geran nasional, geran antarabangsa, geran industri) amat disokong oleh UiTM Cawangan Perlis. UiTM Cawangan Perlis telah menambahbaik dengan memberi galakan kepada para pensyarah aktif melibatkan diri dalam (geran FRGS; industrial grant Bismi Gergas sdn.bhd; geran industri Behn Meyer Agricare (M) sdn.bhd; ICF Fund; YTR; NCTF; SRP; GRR; UiTM-BPMB; DPPD). Peningkatan dalam peratusan national, industrial dan international grant dapat dilihat dalam carta Performance indicator (PI). Selain itu, UiTM cawangan perlis telah mencatatkan taraf pemilikan geran yang ke-3 tertinggi pada tahun 2020 di kalangan semua kampus UiTM dengan jumlah sebanyak RM44 300.00.

Bagi mengalakkan para pensyarah untuk menjalankan kerja penyelidikan dengan universiti luar dan industry, UiTM Cawangan Perlis meluluskan 2 insentif penyelidikan bagi merancakkan lagi permohonan geran-geran penyelidikan melalui pemberian insentif kepada para pensyarah yang berjaya mendapatkan dana penyelidikan melalui program MyIncentive dan MyMerit. Program -program ini bertujuan menambah jumlah permohonan geran, menjana kreativiti dan idea para pensyarah untuk terus aktif memohon geran yang dibuka dari masa ke semasa.

Selain itu, aspek penambahbaikan juga memfokus kepada penglibatan para pensyarah dalam menyertai program inovasi dengan mengalakkan penyertaan mereka dalam pertandingan inovasi melalui penerimaan anugerah (gold / silver / bronze / special award/best commercialization project/best international project/best oration project) termasuk pertandingan inovasi (IIDEX2020: INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & DESIGN COMPETITION; ITEX2020; MTE 2020; VIC 2020; eREKA; iMIT SIC 2019; iMIT SIC 2021). UiTM Cawangan Perlis juga telah memperkenalkan insentif MyInovasi yang bertujuan meningkatkan jumlah penyertaan para pensyarah di pertandingan inovasi dengan memberikan insentif kepada ketua projek inovasi yang memenangi pingat emas di MTE/ITEX/Pencipta.

Disamping itu, pertandingan inovasi ini juga adalah platform untuk mengalakkan para pensyarah untuk mendaftar IPR (Copyright, Trademark dan Patent). Ini secara tidak langsung akan menambahbaik penglibatan mereka dalam program inovasi di masa hadapan. Usaha ini telah diperkukuhkan lagi oleh UiTM Cawangan Perlis dengan memberikan insentif kepada para pensyarah melalui program MyIP untuk menambah jumlah pendaftaran copyright melalui UiTM Cawangan Perlis. Anugerah harta intelek juga diberikan kepada pemegang harta intelek sebagai contoh (MyNutriBesen; BAMBOO (Gigantochloa) MICELLAR WATER; MASK DETECTOR AND BODY TEMPERATURE; COVID TRACKER: THE MOBILE APPLICATION

TRACKING, etc).

Bagi menggalakkan para pensyarah untuk melibatkan diri dan berjaya dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan, inovasi dan kolaborasi secara berkumpulan, maka kumpulan RIG perlu ditubuhkan yang terdiri dari para pensyarah dari UiTM Cawangan Perlis. Usaha penambahbaikan melalui kumpulan RIG dapat dilihat melalui contoh projek-projek oleh RIG yang berikut (RIG PCMaG -webinar on materials; RIG FBERG – International colloquim; SARIG - industrial Talk Series; RIG Data Miners- LATEX workshop, RIGSUKMA – penulisan kreatif, etc). Usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh UiTM Cawangan Perlis ini merupakan inisiatif bagi meningkatkan pencapaian kumpulan RIG bertaraf 5 bintang melalui program MyRIG.

Jaringan dan hubungan dengan penglibatan dalam program inovasi adalah sesuatu yang amat signifikan bagu menaikkan taraf universiti di mata dunia melalui tandatangan LOI, MoU, MoA bersama institusi, industri dan komuniti. Aktiviti-aktiviti jaringan industri, komuniti dan alumni yang dijalankan adalah seperti berikut (Unimaker Makeathon Event; KISMEC; ICAD Day; Derma darah; Kem anay yatim; solat therapy workshop; etc).

Perkongsian kepakaran oleh para pensyarah dengan menganjurkan webinar dan bengkel (Publishing in indexed journals for novice writers 2021; research & academic excellence; Tax relief 2020; klinik FRGS 2021; Bengkel Penulisan Geran FRGS Kluster 1-FSG, Kluster 2 – FSKM, FSR,FPA, FSPU, Kluster 3- FPP, Acis, APB, FB, Law; intro uitm technoventure & new policy of consultancy; constructing problem statement; cabaran graduan IT menedepani covid-19; tanah cabaran urus dan usaha; strategik penukaran manuskrip; optomising FYP; taklimat penerbitan; webinar writing series, proposal writing for master and Phd candidate).

Selain itu, turut diadakan projek, seminar, kolokium, konferensi dan yang setara (international FBERG Colloquim; projek penulisan suara Kreatif Madani; pertandingan rekacipta ARCA). Sejalan dengan itu, UiTM Cawangan Perlis telah memberikan insentif MYSmartReport untuk kategori industri, komuniti dan alumni. Tujuan usaha ini adalah untuk meningkatkan jumlah pelaporan program jaringan yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Perlis.

SENARAI BUKTI :

1. [Aktiviti Kolaboarasi UiTM Cawangan Perlis.pdf](#)
2. [Inisiatif Dana Penyelidikan .pdf](#)
3. [Insentif Penerbitan UiTM Cawangan perlis.pdf](#)
4. [Output Penerbitan UiTM Cawangan Perlis.pdf](#)
5. [Pengkomersialan UiTM Cawangan perlis.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bahagian terakhir dalam kriteria operasi ini memberi tumpuan kepada pendekatan penambahbaikan berterusan dan inovasi dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Perlis. Proses integrasi ini melibatkan proses memastikan operasi setiap perancangan yang dibuat menjurus kepada pencapaian yang maksima. Ini penting bagi meningkatkan produktiviti warga UiTM Cawangan Perlis melalui penyelidikan dan kolaborasi semasa dan masa hadapan.

Bagi memastikan ianya mampu dicapai, UiTM Cawangan Perlis telah mewujudkan platform bagi mengintegrasikan data setiap pencapaian di bawah Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan bukan hanya sebagai tujuan rekod tetapi turut menjurus kepada aspek Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Pemantauan (Check) dan Penambahbaikan (Action).

Di bawah aspek perancangan, setiap perkara atau aktiviti yang telah dikenalpasti akan dimaklumkan kepada setiap fakulti melalui ketua pusat pengajian (KPP) atau ketua koordinator (KK). Ini bagi memastikan komunikasi yang jelas bagi menyampaikan maklumat berkaitan pencapaian. Seterusnya di bawah aspek pelaksanaan, setiap perkara atau aktiviti tersebut akan disampaikan kepada setiap staf akademik bagi tujuan pelaksanaan mengikut KPI yang telah ditetapkan.

Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan bagi memastikan setiap perancangan mampu dicapai untuk tahun berkenaan. Setiap fakulti mempunyai wakil yang terdiri daripada beberapa orang pensyarah yang ditugaskan bagi mengemaskini data terkini berkaitan pencapaian. Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan.

Hasilnya, laporan akan dibentangkan oleh KPP atau KK fakulti berkaitan pencapaian semasa setiap fakulti yang terlibat bagi tujuan pemantauan. Langkah terakhir ini penting bagi tujuan penambahbaikan yang wajar dilaksanakan terutama segala yang melibatkan risiko di bawah aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan.

Secara tidak langsung, output daripada penambahbaikan yang perlu dibuat ini akan dibawa semua kepada proses perancangan aktiviti Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan pada tahun seterusnya terutama dari aspek pencapaian prestasi tahunan.

Ini akan disusuli dengan aspek penambahbaikan perlu dibuat berdasarkan pencapaian semasa dan pencapaian dan pelaksanaan yang wajar dipertimbangkan di masa hadapan bagi meningkatkan lagi kualiti dan pencapaian Penyelidikan, dan Penerbitan dan Pengkomersilan UiTM Cawangan Perlis.

Inovasi seperti menyediakan satu mekanisme pelarasan kesemua aspek penting yang mendokong komponen Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Pemantauan (Check) dan Penambahbaikan (Action) harus sentiasa diperbaharui bagi menyokong kesemua kriteria awal merangkumi kepimpinan, perancangan strategik tumpuan pelanggan, pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan juga sumber manusia dan akhir iaitu kriteria hasil UiTM Cawangan Perlis.

SENARAI BUKTI :

1. [Integrasi 3P UiTM Cawangan Perlis 2018-2020.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil dari Pelaksanaan Strategi

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aspirasi UiTM Cawangan Perlis, sebagai institusi pendidikan tinggi, begitu unggul untuk melahirkan profesional dan separa profesional Bumiputera dalam pelbagai bidang yang kompetitif bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja negara. Justeru, dalam merangka hala tuju strategik menerusi RMKe 11 ini, UiTM Cawangan Perlis mengambil kira faktor-faktor penting yang boleh mempengaruhi kedudukan sosial ekonomi Bumiputera itu sendiri.

Pembangunan pelan tindakan strategik yang mantap sangat penting dalam merealisasikan hasrat UiTM Perlis untuk menjadi sebuah kampus yang unggul dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Seksyen ini melaporkan keberkesanan inisiatif UiTMPs dalam pelaksanaan pelan strategik bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Objektif dan inisiatif Perancangan Strategik yang teratur, sistematik dan realistik telah dirancang dengan penglibatan keseluruhan warga kampus. Perancangan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2020 adalah dirancang berpandukan sumber rujukan utama iaitu Pelan Strategik UiTM2025 seperti yang telah diamanatkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Kerangka perancangan strategik UiTM Cawangan Perlis menyokong Pelan Strategik UiTM2025 seperti yang telah diamanatkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Justeru Model Hala Tuju Strategik 2020 telah dibangunkan di bawah pelan tindakan ini.

Indikasi utama yang diukur adalah di antara yang akan memberi impak kepada pencapaian UiTM secara keseluruhan. Semua pencapaian ini adalah mengikut senarai berikut:

1. Pemantapan Myra
2. Kampus Tersohor
3. Kebolehpasaran Graduan
4. Penjana Pendapatan
5. Kecekapan Tadbir Urus

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [KRITERIA 7 HASIL UTAMA 1 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [KRITERIA 7 HASIL UTAMA 1 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [KRITERIA 7 HASIL UTAMA 1 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [KRITERIA 7 HASIL UTAMA 1 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil dari Tumpuan Pelanggan

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian ini akan merumuskan secara terperinci hasil dari tumpuan pelanggan kepada dua bahagian utama iaitu tahap kegirangan pelanggan di Kampus UiTM Perlis bagi tahun 2018-2020 dan pencapaian utama bagi tiga bidang tujuhan yang dipilih iaitu penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Pelanggan di dalam konteks ini adalah terdiri daripada staf UiTM Perlis samada akademik atau pentadbir, pelajar UiTM, agensi kerajaan /swasta dan orang awam. Merujuk kepada Model PERMAI, indeks kegembiraan bagi Kampus Perlis untuk tahun 2018 adalah pada tahap sederhana iaitu 65%, manakala bagi tahun 2020 pula menunjukkan peningkatan kepada 75%. Model PERMAI mengukur 6 parameter utama iaitu emosi positif, keterlibatan, hubungan, makna, pencapaian dan infrastruktur. Kesemua elemen yang diukur di atas telah menunjukkan peningkatan yang signifikan kecuali elemen emosi yang menurun sebanyak 1%. Trend penurunan ini adalah kesan daripada kawalan pergerakan seluruh negara disebabkan oleh pandemic covid-19 yang melanda. Dapat disimpulkan disini bahawa tahap kegirangan yang baik walaupun semasa pelaksanaan work from home tidak menghalang aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan malah menunjukkan peningkatan yang cukup memberangsangkan dengan merujuk data KPI yang dikeluarkan oleh pihak BTU Shah Alam.

Keunikan serta kekuatan kampus perlis adalah terletak pada produk mempelam harum manis dan kehebatan Marine Research Center (MAREC) yang terletak di Pulau Tuba, Langkawi yang menjadi pakar rujuk serantau. Sedia maklum, mempelam harum manis hanya terdapat dinegeri perlis disebabkan oleh factor cuaca yang unik di negeri perlis membolehkan tanaman ini dikomersialkan dengan jayanya. Merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh pihak Ladang UiTM Kampus Arau, pada tahun 2018 jualan harum manis mencatatkan rekod jualan tertinggi iaitu sebanyak RM 295,888.00, manakala pada tahun 2019 mencatatkan RM 266,854.00 dan pada tahun 2020 merekodkan hasil jualan sebanyak RM 194,090.00. Trend menunjukkan penurunan adalah disebabkan pada tahun 2019 musim harum manis jatuh pada bulan Ramadhan menyebabkan permintaan terjejas dan pada tahun 2020 berlakunya pandemic Covid 19 di mana kawalan pergerakan diperketatkan. Ini secara tidak langsung telah menyekat kemasukan penggemar mempelam harum manis ke negeri Perlis bagi membelinya. Jika diukur dan dibandingkan penajaan pendapatan oleh kampus Perlis adalah jauh lebih baik berbanding kampus pesaing terdekat iaitu kampus UiTM Melaka melalui jualan madu kelulut dan ubi keledek iaitu penajaan sebanyak RM 3357.20 dan kampus Terengganu dengan rekod jualan RM 1890.00 melalui produk madu kelulut.

Pusat Marine Research Center (MAREC) yang dibangunkan di Pulau Tuba Langkawi telah memainkan peranan yang penting dalam sumbangannya samada diperingkat antarabangsa mahupun dalam memajukan sector ekonomi penduduk setempat. Kejayaan tanaman semula batu karang secara besar-besaran di tapak warisan dunia, Pulau Dayang Bunting dan beberapa aktiviti pemuliharaan hidupan marin telah membantu untuk mengekalkan gugusan Pulau Langkawi sebagai Langkawi UNESCO GlobalPark di mata masyarakat antarabangsa. Ini secara tidak langsung telah meletakkan peta Malaysia di mata dunia. Secara tidak langsung, kejayaan ini berjaya menarik minat pelancong asing dari seluruh dunia untuk melancong ke Pulau Langkawi, Malaysia. Selain daripada itu, pihak MAREC turut membantu mengembangkan ekonomi penduduk setempat dengan program transfer knowledge bagi tanaman Loktut dan pembuatan tukun tiruan. Kursus jangka pendek pemprosesan makanan berasaskan produk ikan turut dijalankan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah nelayan.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [LEVEL.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [TREND_FINAL.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [COMPARISON_IKHWAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [IMPORTANCE_FINAL.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil dari Operasi

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil daripada operasi melibatkan tiga bidang tujuhan yang dipilih iaitu penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. bagi tahun 2018-2021 iaitu a. Melonjakkan jumlah permohonan dan penerimaan geran penyelidikan; b. Melonjakkan jumlah penerbitan berindeks dan bukan berindeks dan c. Melonjakkan penjanaaan pendapatan dan hakcipta(IPR). Oleh itu dalam mencapai objektif yang dirancangkan, satu model hala tuju strategik UiTM Cawangan Perlis 2020 direkabentuk pada 15-17hb Disember 2019 selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang fokus kepada penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Jika dilihat dari pekspektif penyelidikan, UiTM Cawangan Perlis sedang dan telah melakukan lonjakan terbaik dengan pelbagai inisiatif seperti webinar, bengkel, pelbagai insentif dan sebagainya seperti dibincangkan di dalam kriteria proses. Hasil daripada inisiatif operasi ini, UiTM Cawangan Perlis berada pada tahap yang membanggakan di kalangan kampus UiTM dengan menerajui jumlah peruntukan penerimaan geran penyelidikan universiti tertinggi pada 2020. Hasil penyelidikan telah menyumbang sebanyak RM455,200.00(2018), RM957,856.00(2019) dan RM 332,150.00(2020) kepada KPI kampus dan UiTM amnya. Jumlah penerimaan geran penyelidikan ini melebihi sasaran KPI yang ditetapkan oleh model hala tuju strategik UiTM Cawangan Perlis 2020 iaitu RM300,000.00. Jika dibandingkan dengan kampus setara di utara Malaysia, UiTM Cawangan Perlis berada di dalam kelas tersendiri. Merujuk kepada lonjakan kuantiti penerbitan, UiTM Cawangan Perlis telah berada pada suatu tahap yang berprestij dimana jumlah penerbitan meningkat saban tahun dari 124(2018) kepada 101(2019) dan 112(2020). Inisiatif yang berjaya dilaksanakan melalui bengkel, webinar, insentif seperti *Hi_Publication*, *MyInsentif* dan *MyMerit* berjaya menerajui jumlah penerbitan dan sitasi pensyarah UiTM Cawangan Perlis berbanding kampus-kampus lain seperti dinyatakan di Pi TNC HEA. Walaubagaimanapun, selepas Model Strategik UiTM Perlis 2020 dilancarkan, fokus kepada jurnal berindeks telah di titik beratkan dimana tahun 2020, UiTM cawangan Perlis menjuarai penerbitan jurnal Q1 dan Q2 di antara semua kampus UiTM. Selain daripada fokus kepada penyelidikan dan penerbitan, aspek penjanaaan pendapatan dan hakcipta sangat diberi perhatian. Sebagaimana diketahui bahawa UiTM Cawangan Perlis amat berbangga dengan produk komersial harumanis yang terkenal seantero Malaysia. Penjanaaan pendapatan melalui produk harumanis menyumbang hasil kepada kampus sebanyak RM295,888.00(2018), 266,854(2019) dan 194,090.00(2020) mengatasi mana-mana kampus dan fakulti di UiTM. Model hala tuju strategik UiTM Cawangan Perlis untuk menjana pendapatan minimum sebanyak RM180,000.00 setahun telah melebihi sasaran yang ditetapkan pada setiap tahun dimana hasil daripada penjanaaan pendapatan ini digunakan untuk menambahbaik prasarana kampus. Salah satu elemen yang dibentangkan di dalam Model Strategik UiTM Perlis 2020 adalah memperkasakan hakcipta(IPR) dengan memperkenalkan beberapa penambahbaikan seperti penubuhan unit Pengurusan Inovasi dan Kepakaran (UPIK) yang bertanggungjawab daripada segi penjanaaan pendapatan dan juga hakcipta. Penubuhan unit ini telah berjaya meningkatkan jumlah hacipta sebanyak dari 2019 kepada 2020 sebanyak 90.48%. Disamping, pertandingan melibatkan produk-produk komersial yang boleh dipaten juga meningkat dengan peratusan pingat bertambah dari 11(2018), 59(2019) meningkat kepada 64(2020) dengan jumlah peningkatan hampir 600%. Strategi UiTM Cawangan Perlis telah di selari dengan fokus kepada produk berkualiti yang boleh menyumbang pingat emas. Ini dapat dilihat dengan penambahan pingat emas dari 18(2018), 25(2019) seterusnya 30(2020). Hasil daripada perancangan sistematik pengurusan UiTM Perlis melalui Model Strategik UiTM Perlis 2020 dan diselarikan dengan Pelan Strategik UiTM 2021-2025 telah UiTM Cawangan Perlis ke satu tahap yang amat membanggakan.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [UiTMCP_Hasil Utama 3 - Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [UiTMCP_Hasil Utama 3 - Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [UiTMCP_Hasil Utama 3 - Perbandingan.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [UiTMCP_Hasil Utama 3 - Kepentingan.pdf](#)